AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI

ڤليتا برونى

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam bersabda : "Jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalnya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang mendoakan kedua orang tuanya". (Hadis Riwayat Imam Muslim).

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.10 | DUHA 6.34 | ZUHUR 12.08 | ASAR 3.29 | MAGHRIB 6.03 | ISYAK 7.16

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 140 | 23 NOVEMBER 2026 / 1448 جمادي الأخير 13 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

KEBAWAH DYMM AKAN ADAKAN KEBERANGKATAN NEGARA KE PERSEKUTUAN RUSIA

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Jabatan Penerangan



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat mengadakan Keberangkatan Negara ke Persekutuan Rusia pada 24 hingga 25 November 2026, atas undangan dari Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin yang diadakan di Kazan, Persekutuan Rusia pada 17 Jun 2026.

MoU mempromosi gaya hidup sihat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BERAKAS, Sabtu, 21 November. - Gleneagles JPMC dan Kementerian Kesihatan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperbaharui komitmen tahunan dalam mempromosikan program gaya hidup sihat di tempat kerja, sekolah dan komuniti, pagi tadi.

Memasuki tahun kelapan berturut-turut, kerjasama antara sektor awam dan swasta berkenaan terus diperkukuh dengan memperluaskan pelaksanaan pelbagai inisiatif kesihatan pencegahan di tempat kerja, sekolah dan komuniti.

Usaha ini telah membuka lebih banyak peluang kepada orang ramai untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan, mengamalkan gaya hidup lebih sihat serta melibatkan diri dalam aktiviti yang menggalakkan penjagaan kesihatan.

>> Muka 8

Makan Malam Penutup sempena Sambutan JE Hubungan Pertahanan

Siaran Akhbar :
Kementerian Pertahanan

REPUBLIK SINGAPURA, Ahad, 22 November. - Sambutan penuh bersejarah sempena Jubli Emas Hubungan Pertahanan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura telah diakhiri dengan Majlis Makan Malam Penutup yang dihoskan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bertempat di Grand Ballroom 1, Grand Hyatt Hotel, Republik Singapura, baru-baru ini.

Majlis tersebut menjadi lambang penghargaan terhadap hubungan erat dalam tempoh lima dekad, persahabatan, kepercayaan dan kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri Penyelaras bagi Perkhidmatan Awam dan Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing.

>> Muka 5

Kempen MESRA memantapkan budaya kecemerlangan perkhidmatan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

JERUDONG, Sabtu, 21 November. - Kempen MESRA Peringkat Kebangsaan dilancarkan secara rasmi hari ini dalam satu majlis yang berlangsung di Jerudong Park Garden, sebagai usaha memperkukuh budaya kecemerlangan perkhidmatan, profesionalisme dan layanan mesra di Negara Brunei Darussalam (NBD) menjelang Tahun Melawat Brunei 2027 (Visit Brunei Year 2027 - VBY 2027).

>> Muka 5

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



KESABARAN kunci kejayaan menuntut ilmu

Muka 6



36 resolusi tangani isu keselamatan, AI, kesejahteraan global

Muka 9



MEMUPUK budaya membaca, penulisan dalam kalangan generasi muda

Muka 10



CARE4U : Inovasi digital memperkasa saringan awal keperluan pembelajaran kanak-kanak

Muka 20

PELITA BRUNEI

Ancaman siber semakin kompleks memerlukan langkah perlindungan lebih berkesan



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos berucap pada Pembukaan Rasmi Persidangan Keselamatan Siber Brunei Ke-4 (CySec 2026) pada 15 September 2026 yang berlangsung di The Rizqun International Hotel, Gadong.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :
Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil Alameen
Wassalatu Wassalamu
'Alaa Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammadin,
Wa'alaa Aalihie Wasahbihie Ajma'een.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi.

IA adalah satu penghormatan bagi saya untuk menyertai awda semua hari ini untuk merasmikan Persidangan Keselamatan Siber Brunei Ke-4, (CySec 2026) yang diadakan di bawah tema penting : 'Resilient by Design : Protecting Critical Infrastructure'.

Saya mengucapkan selamat datang kepada perwakilan kita dari seluruh rantau dan seterusnya, kepada penceramah, pempamer, rakan kongsi dan semua peserta kami yang dihormati.

Kehadiran awda di sini mencerminkan kebenaran asas : keselamatan siber bukan lagi sekadar pertimbangan teknikal. Ia menjadi asas di mana kerajaan kita beroperasi, fungsi ekonomi kita dan perkhidmatan penting kita disampaikan. Akhirnya, ia adalah penting kepada cara hidup rakyat kita.

Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini berada pada tahap penting dalam perjalanan keselamatan sibernya. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kami membina asas seni bina keselamatan siber negara kami secara progresif. Perintah Keselamatan Siber, yang diluluskan pada 2023, kemudiannya digubal sebagai Akta Keselamatan Siber pada 2024, ditambah pula dengan Strategi Keselamatan Siber Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2023-2027, akan terus membimbing hala tuju negara kita. Penguatkuasaan Perintah Perlindungan Data Peribadi menyediakan panduan yang lebih jelas, terutamanya meliputi teknologi operasi dan keselamatan awan.

Kita bergerak melangkaui sekadar membina rangka kerja. Kita kini berada di peringkat hidup dengannya, melaksanakannya, mengukuhkannya dan yang paling penting, bertanggungjawab terhadapnya.

Ini amat penting untuk Infrastruktur Maklumat Kritikal kami, atau CII. Di bawah Akta Keselamatan Siber, sepuluh sektor perkhidmatan penting kami meliputi tenaga, komunikasi maklumat, penjagaan kesihatan, perbankan dan kewangan, pertahanan dan keselamatan, perkhidmatan kecemasan, penerbangan, fungsi kerajaan, media dan air. Pemilik dan pengendali Infrastruktur Maklumat Kritikal dalam sektor ini memikul tanggungjawab untuk memahami risiko keselamatan siber mereka, melindungi sistem mereka dan melaporkan serta bertindak balas dengan berkesan apabila insiden keselamatan siber berlaku.

Walau bagaimanapun, penetapan sahaja bukanlah kemajuan sebenar. Ukuran sebenar kemajuan kita mestilah sama ada penetapan itu menghasilkan sistem yang lebih kukuh, kesediaan yang lebih baik dan penambahbaikan yang boleh diukur di lapangan.

Pada masa rangka kerja negara kita matang, begitu juga persekitaran ancaman di sekeliling kita. Kepantasan, kecanggihan dan kerumitan ancaman siber semakin meningkat dan Kepintaran Buatan mempercepatkan perubahan ini.

Kita melihat penyelesaian AI sebagai alat mudah yang digunakan oleh orang ramai, ke arah sistem agen dan semakin autonomi yang mampu beroperasi dan menyesuaikan diri pada kelajuan mesin.

Bagi pertahanan, ini mengubah persamaan dengan ketara. Halangan untuk melancarkan serangan siber yang canggih semakin rendah, manakala kelajuan dan skala serangan boleh dilakukan semakin besar.

Tentangan terhadap landskap yang berkembang ini, lima ancaman siber memerlukan perhatian khusus, pancingan data yang didayakan AI, penipuan dan penyamaran; perisian tebusan dan pemerasan siber; pelanggaran data dan kecurian kelayakan; rantaian bekalan dan kompromi pihak ketiga; dan serangan yang menyasarkan Teknologi Operasi dan Infrastruktur Maklumat Kritikal.

Ini mempunyai implikasi yang mendalam terhadap Teknologi Operasi dan Infrastruktur Maklumat Kritikal. Sistem yang memastikan lampu kita menyala, air mengalir, tenaga dibekalkan dan rangkaian penerbangan kita bergerak, selalunya direka untuk kebolehpercayaan dan kesalinghubungan, bukan untuk persekitaran keselamatan siber yang bermusuhan hari ini.

Apabila industri memodenkan, mendigitalkan dan mengautomasikan, lebih banyak sistem ini disambungkan. Dan setiap sambungan baharu mewujudkan peluang dan potensi kelemahan.

Bagi NBD, ini bukan senario abstrak. Serangan terhadap infrastruktur kritikal kami secara langsung akan menjejaskan perkhidmatan harian yang bergantung kepada kakitangan, perniagaan dan ekonomi kami.

Di luar infrastruktur kritikal, kita juga mesti menghadapi satu lagi dimensi cabaran ini, penghakisan kepercayaan digital. *Scam*, penipuan, penyamaran dan maklumat salah yang didayakan AI menjadi semakin canggih. Ini bukan lagi kesulitan dalam talian semata-mata. Ia menyebabkan kerugian kewangan, menjejaskan keyakinan dalam perkhidmatan digital dan, pada skala menjadi perkara yang membimbangkan negara.

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	ISNIN	13	4.38	4.48	6.10	6.34	12.08	3.29	6.03	7.16
24	SELASA	14	4.39	4.49	6.11	6.34	12.08	3.30	6.03	7.16
25	RABU	15	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17
26	KHAMIS	16	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17
27	JUMAAT	17	4.39	4.49	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.17
28	SABTU	18	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18
29	AHAD	19	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan	33 26 °C	32 25 °C	32 24 °C
Pekan Bangar	32 26 °C	31 25 °C	31 23 °C
Pekan Tutong	33 26 °C	31 25 °C	31 25 °C
Kuala Belait	32 26 °C	31 25 °C	31 25 °C

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 23 NOVEMBER 2026

Manfaatkan kemudahan, ambil langkah proaktif, pantau status kesihatan

DIABETES Mellitus merupakan penyakit kronik yang berlaku apabila paras glukosa dalam darah meningkat melebihi tahap normal. Sekiranya tidak dikesan atau dikawal dengan baik, penyakit tersebut boleh mengakibatkan komplikasi serius, termasuk penyakit jantung, strok, kegagalan buah pinggang, gangguan penglihatan dan kerosakan saraf. Lebih membimbangkan, diabetes boleh berkembang tanpa sebarang gejala yang ketara pada peringkat awal, menyebabkan ramai individu hanya mengetahui keadaan kesihatan mereka setelah penyakit tersebut berada pada tahap yang lebih serius.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Hari Diabetes Sedunia 2026 dengan tema 'Tindakan Awal Terhadap Diabetes' (Early Action on Diabetes) yang menekankan akan kepentingan mengenal pasti faktor risiko, menjalani pemeriksaan kesihatan serta mendapatkan rawatan yang sewajarnya bagi mencegah atau melambatkan komplikasi penyakit ini.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa diabetes merupakan antara cabaran kesihatan awam yang semakin membimbangkan di seluruh dunia. Menjelang tahun 2050, jumlah individu yang hidup dengan diabetes dijangka mencecah 853 juta orang.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), prevalens diabetes turut menunjukkan peningkatan daripada 9.7 peratus pada tahun 2016 kepada 15 peratus pada tahun 2023, berdasarkan tinjauan kesihatan kebangsaan. Perkembangan ini menuntut usaha pencegahan dan pengawalan yang lebih menyeluruh, khususnya melalui pengesanan dan intervensi awal.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan akan terus memperkukuh usaha pengesanan awal penyakit tidak berjangkit melalui Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan.

Program berkenaan membolehkan individu yang berisiko dikenal pasti lebih awal melalui penilaian faktor risiko dan pemeriksaan kesihatan yang bersesuaian, khususnya bagi diabetes dan penyakit kardiovaskular. Kemudahan pendaftaran melalui aplikasi BruHealth turut memperluas akses orang ramai kepada perkhidmatan saringan kesihatan. Oleh itu, masyarakat adalah digalakkan untuk memanfaatkan kemudahan yang disediakan dan mengambil langkah proaktif dalam mengetahui serta memantau status kesihatan masing-masing.

Kementerian Kesihatan juga melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk Program Cara Hidup Sihat melalui Workplace and Health, yang menyediakan bimbingan pengurusan berat badan melalui aktiviti fizikal, pendidikan pemakanan, konsultasi perubatan dan pemantauan berkala. Selain itu, inisiatif Brunei Darussalam on the Move turut menggalakkan masyarakat untuk kekal aktif dan menjadikan aktiviti fizikal sebagai amalan harian.

Justeru, sempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2026, marilah kita bersama-sama memperkukuh komitmen untuk bertindak lebih awal, sebelum diabetes dan komplikasinya menjejaskan kesihatan serta kualiti kehidupan. Amalkan pemakanan seimbang, kekalkan berat badan yang sihat dan lakukan aktiviti fizikal secara konsisten. **– Ketua Penyuntingan (Hs)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتكن اوله جابتن فنراغن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندیرين برحد، نكارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM akan adakan Keberangkatan Negara ke Persekutuan Rusia

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

>> Muka 1

Semasa Keberangkatan Negara berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijangka akan mengadakan Majlis Perjumpaan bersama Tuan Yang Terutama Vladimir Putin, di Moscow bagi membincangkan perkara-perkara yang berkepentingan bersama bagi mengesahkan semula dan memperkukuhkan lagi hubungan kerjasama dua hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Persekutuan Rusia.

Hubungan diplomatik antara NBD dan Persekutuan Rusia dijalinkan pada 1 Oktober 1991 dan tahun 2026 menandakan Ulang Tahun Ke-35 hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara. Kedua-dua buah negara mempunyai kerjasama yang luas dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan, pertahanan, pendidikan serta pertukaran hubungan antara rakyat kedua-dua buah negara.

Ini merupakan keberangkatan kali ke-2 Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Persekutuan Rusia sejak 2005. Kali terakhir Kebawah DYMM berangkat ke Persekutuan Rusia bagi menghadiri Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Rusia di Kazan, Republik Tatarstan, Persekutuan Rusia pada 18 Jun 2026, bersempena dengan Ulang Tahun Hubungan ASEAN-Rusia ke-35.

BERANGKAT SERTAI THE BRUNEI HALF MARATHON 2026





YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman ketika berangkat menyertai The Brunei Half Marathon (kiri dan kiri sekali).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 November. - The Brunei Half Marathon 2026 kembali untuk edisi kedua pada hujung minggu, menghimpunkan pelari, peminat kecergasan dan masyarakat umum untuk sambutan dua hari semangat kesukanan, kesihatan dan kehidupan aktif yang berlangsung di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS).

Dikuasakan oleh Arrowtech Sports dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB), acara tersebut berlangsung pada 21 dan 22 November 2026, menampilkan tiga kategori perlumbaan yang direka untuk melengkapkan pelari yang berbeza tahap kecergasan dan kebolehan, iaitu 21.1 kilometer (km) Half Marathon; Larian 5km dan Larian 10km.

Acara tersebut mengukuhkan lagi landskap sukan dan rekreasi Negara Brunei Darussalam yang semakin berkembang sambil mempamerkan salah satu mercu tanda infrastruktur yang paling menarik di negara ini.

Edisi tahun ini menarik kira-kira 2,600 peserta, termasuk 167 peserta antarabangsa yang mewakili 26 negara, menonjolkan tarikan acara yang semakin meningkat di luar Negara Brunei Darussalam dan potensinya untuk menarik komuniti sukan serantau dan antarabangsa.

Penyertaan pelari antarabangsa juga memberi peluang untuk merasai layanan, mercu tanda dan suasana tempatan Negara Brunei Darussalam, menyumbang ke arah aspirasi pelancongan negara yang lebih luas dan objektif kebangsaan Visit Brunei Year 2027.

Berangkat menyertai The Brunei Half Marathon bagi acara 21.1km Half Marathon ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Dalam Kategori Half Marathon Lelaki Terbuka, gelaran juara berjaya disandang oleh Joshua Nakeri Lemushen, manakala bagi Kategori Half Marathon Lelaki Tempatan pula, Ruzaini Mahadi muncul sebagai pemenang.

Sementara itu, Kategori Half Marathon Lelaki Master dimenangi oleh Sefli Ahar.

Bagi Kategori Wanita, Evangeline Makena Kathenya berjaya muncul sebagai juara dalam Kategori Half Marathon Wanita Terbuka.

Manakala Kategori Half Marathon Wanita Tempatan Terbuka dimenangi oleh Izzati binti Shamsul dan Kategori Half Marathon Wanita Master pula diraih oleh Nordiyanah Siew.

Di luar aspek persaingan, The Brunei Half Marathon 2026 terus menyediakan platform untuk menggalakkan kecergasan fizikal, penyertaan masyarakat dan gaya hidup yang lebih sihat dalam kalangan semua peringkat umur.

Acara tersebut juga menghimpunkan organisasi korporat, penaja, rakan kongsi, sukarelawan dan komuniti yang lebih luas, menunjukkan kepentingan kerjasama dalam membangunkan acara sukan dan mencipta pengalaman bermakna untuk orang ramai.

Sebagai salah satu acara sukan tahunan Brunei Darussalam yang baru muncul, The Brunei Half Marathon terus menyumbang ke arah meletakkan negara sebagai destinasi menarik untuk pelancongan sukan, sambil memberi peluang kepada peserta tempatan dan antarabangsa untuk mengenali Brunei melalui sukan.

Dengan kejayaan edisi kedua, The Brunei Half Marathon 2026 mengesahkan komitmennya untuk menyatukan komuniti melalui larian, meraikan pencapaian peribadi dan memberi inspirasi kepada lebih ramai orang untuk mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat.



EDISI tahun ini menarik kira-kira 2,600 peserta, termasuk 167 peserta antarabangsa yang mewakili 26 negara, menyumbang ke arah meletakkan negara sebagai destinasi menarik untuk pelancongan sukan, sambil memberi peluang kepada peserta tempatan dan antarabangsa untuk mengenali Brunei melalui sukan.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (kanan dan kanan sekali).



PELITA BRUNEI

KEJOHANAN BOLA JARING TERBUKA WANITA NETBALL KITANI 2026 TUTUP TIRAI



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat menyertai Kejohanan Bola Jaring Terbuka Wanita Netball Kitani 2026.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BERAKAS, Ahad, 22 November. - Kejohanan Bola Jaring Terbuka Wanita Netball Kitani 2026 anjuran Persatuan Bola Jaring Brunei (Brunei Netball Association - BNA) menutup tirainya lewat petang tadi dengan selesainya kejohanan akhir yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat yang turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Ketua Pegawai Eksekutif Interim Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB), Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini.

Juga hadir sama menyaksikan kejohanan tersebut, Chargé d'Affaires a.i., Kedutaan Besar Republik Filipina di Negara Brunei Darussalam (NBD), Bernadette A. Mendoza serta Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Encik Abdul Munir Lutfi Said bersama isteri. Hadir sama ialah Leftenan Kolonel (B) Hajah Wan Shahlimar binti Haji Suhaili serta Ahli-ahli Jawatankuasa BNA.

Kejohanan yang menghimpunkan sebanyak 16 pasukan itu dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' dan Kumpulan 'B', dengan masing-masing menampilkan lapan pasukan yang akan bersaing pada peringkat kumpulan sebelum melangkah ke peringkat seterusnya.

Kumpulan 'A' terdiri daripada Crusher, Netstarz Elite (Sabah), Sourdough, MDV Galaxy, SIKLAB Pilipinas, JIS Orangutans, Tiger Sharks dan JIS Phoenix.

Manakala Kumpulan 'B' terdiri daripada BFB Vipers, TBC Team, NFT, Netseekers, SPSS Netters, Blackhawk, JIS Silverleaf dan Pradian's (Sabah).

Berangkat menyertai kejohanan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman yang menyertai Pasukan Tiger Sharks.

Pada perlawanan peringkat akhir menyaksikan SIKLAB Pilipinas berjaya mengalahkan Pasukan Crusher dengan kutipan mata 12 - 11, sementara Pasukan Blackhawk menduduki tempat ketiga setelah berjaya menewaskan Netseekers dengan mata 15 - 10.

Selain menyaksikan persaingan sengit antara pasukan yang bertanding, kejohanan ini turut mengiktiraf lima orang pemain yang telah menunjukkan prestasi cemerlang serta sumbangan luar biasa sepanjang berlangsungnya pertandingan.

Anugerah Penjaring Terbaik telah diberikan kepada Dayang Nurhafizah binti Haji Abdul Sidek daripada Pasukan Sourdough, manakala Anugerah Pemain Pertahanan Terbaik menjadi milik Katrina Mae Agojo daripada Pasukan SIKLAB Pilipinas.

Seterusnya Dayang Siti Nornadzerah binti N. Nordin daripada Pasukan Blackhawk telah dinobatkan sebagai Pemain Penyerang Terbaik dan Anugerah Pemain Muda Harapan pula diberikan kepada Dayangku Khalisha binti Pengiran Abdul Rahman daripada Pasukan Crusher.

Sementara itu, Anugerah Pemain Paling Bernilai telah diraih oleh Dayang Khalilah Amani binti Haji Idham Maswadi daripada Pasukan Sourdough atas prestasi dan sumbangan cemerlang yang ditampilkan sepanjang kejohanan.

Penganugerahan ini bukan sahaja menjadi pengiktirafan terhadap bakat, kemahiran dan komitmen para pemain, malah diharapkan dapat menjadi sumber inspirasi kepada semua peserta untuk terus meningkatkan prestasi serta semangat kesukanan pada masa akan datang.

Penganjuran kejohanan berkenaan diharap akan terus menyediakan platform kepada para pemain untuk memperlihatkan keupayaan dan bakat masing-masing, di samping mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat kesukanan dalam kalangan pasukan yang mengambil bahagian sama ada penyertaan dari dalam negeri mahupun penyertaan dari negara jiran dan Asia.

Kejohanan seumpama ini juga merupakan landasan bagi mencungkil bakat dan meningkatkan mutu sukan, khasnya kepada pemain-pemain bola jaring yang sebahagiannya terdiri daripada golongan belia untuk terus aktif dan berpotensi untuk diserapkan masuk ke pasukan kebangsaan negara.

Di samping itu, ia juga bertujuan bagi memajukan sukan bola jaring, khususnya di Negara Brunei Darussalam, di samping memupuk semangat perpaduan sukan, kecergasan, kesihatan fizikal dan mental serta perpaduan sukan dalam kalangan pemain-pemain dan masyarakat umum.



KETUA Pegawai Eksekutif Interim Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang kejohanan berkenaan (kanan). Manakala gambar kiri, antara aksi pada perlawanan berkenaan.



Pemenang Kejohanan Bola Keranjang AEWON PPE diraikan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat mengurniakan hadiah bagi pemenang-pemenang Kejohanan Bola Keranjang AEWON PPE Antara Sekolah-sekolah, 2026. Turut menyertai kejohanan tersebut, cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang mewakili Pasukan ISB.

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan Persatuan Bola Keranjang Brunei

GADONG, Ahad, 22 November. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat mengurniakan hadiah bagi pemenang-pemenang Kejohanan Bola Keranjang AEWON PPE Antara Sekolah-sekolah, 2026, petang tadi.

Perlawanan yang berlangsung di Gelanggang Bola Keranjang Persatuan Bola Keranjang Brunei (BBA) itu menyaksikan penyertaan cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang mewakili Pasukan Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB).

Dalam kejohanan tersebut, bagi Kategori Perempuan, Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) menduduki tempat pertama, sementara Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) di tempat kedua dan ISB di tempat ketiga.

Bagi Kategori Lelaki, Pasukan JIS di tempat pertama, manakala di tempat kedua disandang oleh Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan dan tempat ketiga diraih oleh Sekolah Menengah Chung Hwa Kuala Belait.

Dianjurkan oleh BBA, kejohanan turut disokong oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Makan Malam Penutup sempena Sambutan JE Hubungan Pertahanan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

>> Muka 1

Turut hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Republik Singapura (ABRS), Tuan Yang Terutama Laksamana Muda Dato Paduka Seri Aaron Beng serta kepimpinan kanan dan anggota dari kementerian pertahanan dan angkatan tentera kedua-dua buah negara.

Majlis tersebut juga dihadiri oleh mantan-mantan kepimpinan ABRS, termasuk mantan-mantan Ketua Turus Pertahanan ABRS, mantan-mantan Panglima Unit-unit Angkatan Tentera serta mantan-mantan Penasihat Pertahanan Republik Singapura ke NBD.

Kehadiran mereka mencerminkan kesinambungan kepimpinan dan legasi hubungan pertahanan dua hala yang telah terjalin sekian lama, bertepatan dengan tema Jubli Emas iaitu 'Forged in Trust'.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu-lagu kebangsaan kedua-dua negara, diikuti dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB, Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar, bagi memberkati majlis.

Seterusnya, Pemerintah ABDB menyampaikan ucapan alu-aluan dengan menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama, kemesraan dan jalinan persahabatan sepanjang sambutan Jubli Emas Hubungan Pertahanan NBD dan Republik Singapura.

Sambutan Jubli Emas ini telah dirancang sejak dua tahun yang lalu melalui perbincangan di peringkat Menteri Pertahanan antara Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing, di samping perbincangan berterusan antara Pemerintah ABDB dan Ketua Turus Pertahanan ABRS.

Acara sambutan dimulakan dengan Majlis Makan Malam Pembukaan pada 12 Januari 2026 bertempat di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei.

Sambutan tersebut mencapai kemuncaknya pada 10 Oktober 2026 menerusi Upacara Perbarisan Bersama yang melibatkan gabungan anggota ABDB dan ABRS, serta perasmian Galeri Jubli Emas di Pangkalan Tentera Laut Diraja Brunei, Muara, dengan Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kehadiran Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.

Sambutan tersebut turut dimeriahkan dengan Pameran Galeri Jubli Emas di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, yang dibukakan kepada orang ramai selama satu minggu dan telah menerima kunjungan lebih daripada dua ribu pengunjung.

Pameran ini turut menjadi wadah untuk mengetengahkan hubungan erat yang terjalin sekian lama antara kedua-dua negara kepada orang ramai. Selaras dengan tema 'Forged in Trust', kedua-dua angkatan tentera kekal komited dalam memperkukuh keamanan dan kestabilan serantau, di samping terus berlatih bersama melalui eksesais dua hala, berkongsi pengetahuan bagi menangani cabaran baharu serta menuju kecemerlangan bersama menerusi aspek pendidikan dan pembangunan pemimpin masa hadapan.



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II bersama Menteri Penyelaras bagi Perkhidmatan Awam dan Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing hadir selaku tetamu kehormat bersama pada Majlis Makan Malam Penutup yang dihoskan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Majlis diserikan lagi dengan acara memotong kek dan penyampaian cenderahati kepada kedua-dua kepimpinan pertahanan yang melambangkan persahabatan yang berkekalan serta aspirasi bersama kedua-dua negara. Acara tersebut turut disusuli dengan tayangan video khas yang memaparkan detik-detik penting dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang Sambutan Jubli Emas.

Majlis diteruskan dengan persembahan kolaborasi oleh Pancaragam ABDB dan Pancaragam ABRS yang menampilkan lagu-lagu khas digubah oleh Mejar Mohamad Idrus bin Haji Awang, Pengarah Muzik Pancaragam ABDB iaitu 'Together in Defence Stronger as One' and 'Forged in Trust' yang melambangkan semangat setia kawan serta hubungan profesional yang kukuh antara kedua-dua angkatan tentera.

KEMPEN MESRA MEMANTAPKAN BUDAYA KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



>> Muka 1

Majlis Pelancaran tersebut disempurnakan bersama oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Kempen MESRA yang mula diperkenalkan pada 2022 sebagai inisiatif meningkatkan standard hospitaliti dalam sektor pelancongan, kini diperluaskan sebagai gerakan peringkat kebangsaan yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat serta sektor awam dan swasta.

Berteraskan slogan 'Bermula Dari Kita' (It Starts With Us), kempen berkenaan mengetengahkan lima nilai utama, iaitu Muhibah, Etika, Senyum, Ramah dan Adil, yang mencerminkan identiti serta budaya masyarakat NBD dalam memberikan layanan kepada para pengunjung.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Hajah Salinah binti Haji Mohd. Salleh menjelaskan bahawa kempen berkenaan merupakan satu komitmen bersama seluruh negara dan kerajaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan serta memastikan setiap pengunjung merasai keramahan dan layanan mesra masyarakat NBD.

Menurutnya lagi, sejak diperkenalkan, hampir 700 petugas barisan hadapan telah mengikuti latihan di bawah inisiatif berkenaan, termasuk kakitangan hotel dan restoran, pemandu pelancong berlesen, pegawai imigresen dan kastam, pemandu Dart dan teksi serta petugas di kedai-kedai runcit dan tempat-tempat tarikan pelancong.

Kempen tersebut katanya, menyasarkan untuk melatih seramai 1,000 petugas barisan hadapan menjelang penghujung 2026, dengan sokongan 50 Duta MESRA yang baru dilantik bagi menjadi contoh dan memperjuangkan nilai-nilai kempen berkenaan.

Tambahnya lagi, usaha berkenaan turut diperkukuh melalui latihan dan pensijilan berterusan, audit perkhidmatan, penilaian pelanggan termasuk penilaian pelanggan rahsia (*mystery shopper*), serta program kesedaran awam dan jangkauan ke sekolah-sekolah.

Antara enam komponen utama kempen ialah Latihan dan Pensijilan Kecemerlangan Perkhidmatan Kebangsaan, Pelaksanaan Ikrar Perkhidmatan Kebangsaan, Program Duta MESRA, Audit Perkhidmatan dan Sistem Penarafan Pelanggan, Kempen Media dan Kesedaran Awam serta Anugerah Kecemerlangan MESRA.

Kempen tersebut turut mensasarkan pensijilan kepada 200 organisasi dan syarikat serta pelantikan 50 Duta MESRA di bawah Pelan Pelaksanaan 2026-2027.

Kemuncak majlis menyaksikan pelantikan rasmi seramai 50 Duta MESRA daripada pelbagai sektor, termasuk perhotelan, pemandu pelancong, institusi pendidikan, restoran, pencipta kandungan dan perniagaan tempatan.



MAJLIS Pelancaran tersebut disempurnakan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri; Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas). Manakala gambar kiri, wakil daripada pelbagai sektor menandatangani Ikrar Perkhidmatan Kebangsaan.

Para duta berkenaan akan memainkan peranan sebagai contoh teladan dalam mengamalkan lima nilai MESRA, selain membantu mempromosi semangat layanan mesra melalui latihan, promosi dan penglibatan bersama masyarakat.

Majlis turut menyaksikan wakil daripada pelbagai sektor menandatangani Ikrar Perkhidmatan Kebangsaan sebagai tanda komitmen institusi masing-masing untuk mengekalkan standard perkhidmatan pelanggan yang tinggi serta memberikan pengalaman bermakna kepada penduduk tempatan dan pengunjung antarabangsa.

Pelaksanaan kempen tersebut diharap akan meningkatkan tahap kepuasan pengunjung, memperkukuh reputasi NBD sebagai destinasi pelancongan, meningkatkan jumlah ketibaan pelawat serta memupuk budaya kecemerlangan perkhidmatan yang mampan dalam semua sektor.

Usaha berkenaan juga penting dalam mempersiapkan negara menjelang VBY 2027, dengan menekankan bahawa keramahan masyarakat dan pengalaman yang diterima pengunjung merupakan antara faktor utama yang meninggalkan kesan positif serta menggalakkan mereka untuk kembali berkunjung.

Kesabaran kunci kejayaan menuntut ilmu

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 November. - Ilmu merupakan cahaya yang menerangi kehidupan manusia dan mengangkat darjat seseorang di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Namun, menuntut ilmu memerlukan kesungguhan, ketekunan dan kesabaran yang berterusan kerana ilmu tidak akan dapat diraih dengan tubuh yang bersantai-santai.

Dalam perjalanan menuntut ilmu, terdapat tiga bentuk kesabaran yang perlu disemai, iaitu sabar dalam proses memahami dan mengingati apabila berdepan kesukaran memahami atau menghafal pelajaran, sabar terhadap masa dan keletihan kerana ilmu diperoleh secara berperingkat dan memerlukan pengorbanan waktu, tenaga serta keselesaan, dan sabar dalam menghormati guru serta menjaga adab bermajlis kerana keberkatan ilmu sangat berkait rapat dengan adab terhadap guru dan proses pembelajaran.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Bersabar di dalam Menuntut Ilmu' yang disampaikan oleh Pegawai Kesejahteraan Penuntut Negara Brunei Darussalam (NBD) di Republik Arab Mesir, Awang Haji Shahwardy bin Haji Hamdan, bagi menyerikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-256 bersama Pelajar-pelajar dari Kaherah, Republik Arab Mesir, baru-baru ini.

Awang Haji Shahwardy seterusnya berkata kesabaran dalam menghadapi kepayahan menuntut ilmu akan membawa kepada kemanisan kejayaan, manakala ketidakmampuan menahan pahitnya menuntut ilmu akan menyebabkan seseorang terus berada dalam kejahilan.

Oleh itu, tambahnya, kesabaran dan istiqamah dalam menuntut ilmu merupakan kunci untuk memperoleh ilmu yang bermanfaat serta ganjaran pahala di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Menyemarakkan Program Malam Munajat minggu ini ialah tenaga akademik dan para penuntut Brunei Darussalam dari Republik Arab Mesir serta beberapa buah masjid dan surau di seluruh negara.

Juga hadir bagi sama-sama menyerikan lagi program berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan. Turut menyertai, warga kerja KHEU dan individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara Munajat malam tadi dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Pengiran Md. Salimin bin Pengiran Md. Daud, yang bersiaran dari Surau Darussalam, Bangunan Kediaman Penuntut NBD di Kaherah, Republik Arab Mesir.

Ini diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Awang Muhammad Hassanul Jamsyir Ali bin Jais, pelajar Tahun 1, Maa'had Qira'at Shoubra, Republik Arab Mesir. Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Ataci Pelajaran dan Kebudayaan NBD di Republik Arab Mesir, Awang Md. Adyzham bin Salleh.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Memohon Dikurniakan Hujan Sebab Dilanda Jerebu oleh Awang Ahmad Huzaifah bin Awang Haji Hasbi, Pelajar Tahun 1, Maa'had Qira'at Shoubra, Republik Arab Mesir.

Sejurus selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Asmaul Husna beramai-ramai dipimpin oleh Awang Muhamad Faiz Najwan bin Muhamad Saleh, pelajar Tahun 1, Maa'had Qira'at Shoubra, Republik Arab Mesir.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan NBD dibacakan oleh Awang Mohammad Wa'ie Al Matin@ Mohammad Al Matin bin Norzalfri, Pelajar Tahun 1, Kuliah Syariah Wa Qonun, Syukbah Syariah Islamiyyah, Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir.



JUGA hadir bagi sama-sama menyerikan lagi program berkenaan ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita rafakkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut : *http://tiny.cc/munajatkheu.*

KARNIVAL MEDIA RTB DEKATKAN DUNIA PENYIARAN DENGAN MASYARAKAT



PEMANGKU Pengarah RTB, Cheong Chee Keong hadir menyempurnakan acara pemotongan reben sebagai tanda perasmian karnival berkenaan.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Sabtu, 21 November. - Dalam usaha mendekatkan dunia penyiaran dengan masyarakat serta meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai peranan dan fungsi penyiaran di Negara Brunei Darussalam, Radio Televisyen Brunei (RTB) menganjurkan Karnival Media RTB 2026 selama tiga hari, bermula hari ini hingga 23 November, bertempat di Atrium Setia Point, Berakas.

Hadir menyempurnakan perasmian karnival berkenaan ialah Pemangku Pengarah RTB, Cheong Chee Keong. Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, yang juga Ketua Kampung Belimbing, Subok, mantan-mantan Pengarah RTB, ketua-ketua kampung, para penaja, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta orang ramai.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti acara pemotongan reben oleh Pemangku Pengarah RTB sebagai tanda perasmian karnival berkenaan.

Sejurus selepas itu, Pemangku Pengarah RTB bersama para jemputan berkesempatan melawat reruai pameran yang mengetengahkan pelbagai aspek penyiaran, penerbitan rancangan, teknologi serta perkembangan perkhidmatan RTB.

Majlis turut diserikan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Lim Kim Dien selaku Pengerusi Karnival Media RTB 2026. Majlis kemudian diikuti persembahan tradisi budaya daripada para pelajar Sekolah Menengah Chung Hwa Kuala Belait.

Penganjuran karnival berkenaan merupakan antara inisiatif RTB dalam memperkukuh hubungan dengan masyarakat, di samping menyediakan platform pendidikan dan perkongsian ilmu bagi membolehkan orang ramai mengenali dengan lebih dekat proses kerja di sebalik penerbitan dan penyiaran rancangan televisyen, radio, berita serta kandungan media digital.

Melalui pendekatan informatif, edukatif dan interaktif, para pengunjung berpeluang menyelami dunia penyiaran, mengenali teknologi yang digunakan serta memahami peranan dan tanggungjawab warga penyiaran dalam memberikan maklumat, mendidik dan menghiburkan masyarakat.

Segmen pameran karnival dibahagikan kepada lapan zon, iaitu Zon 1 - Sejarah dan Transformasi RTB; Zon 2 - Pra-Penerbitan; Zon 3 - Teknologi Penyiaran; Zon 4 - Pascapenerbitan dan Penyuntingan; Zon 5 - Informasi dan Kreativiti; Zon 6 - Dunia Media RTB, termasuk kandungan RTBGo; Zon 7 - RTB Bersama Masyarakat; dan Zon 8 - Penjualan Barangan Cenderamata RTB.

Pembahagian zon tersebut memberikan pendedahan kepada para pengunjung mengenai perjalanan sesebuah penerbitan, bermula daripada peringkat perancangan dan pembangunan idea sehingga ke peringkat penyuntingan, penyiaran serta penyampaian kandungan kepada masyarakat melalui pelbagai platform.

Selain pameran, pelbagai program dan aktiviti pentas turut disediakan sepanjang tiga hari karnival, merangkumi sesi bual bicara, forum, perkongsian ilmu, kuiz, persembahan hiburan, aktiviti riadah serta program berbentuk pendidikan dan kemasyarakatan yang bersesuaian dengan pelbagai lapisan usia.

Antara pengisian pada hari pertama ialah sesi perkongsian Menangani Berita Palsu (Tackling Fake News) yang menampilkan ahli panel daripada Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), dan Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa RTB.



TURUT hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Belimbing; mantan-mantan Pengarah RTB, ketua-ketua kampung, para penaja, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta orang ramai.

Sesi berkenaan mengetengahkan kepentingan literasi media, amalan menyemak kesahihan maklumat serta tanggungjawab bersama dalam menangani penyebaran berita palsu, khususnya melalui platform media sosial.

Turut mengisi acara pada hari pertama ialah Jadi Reporter Dalam 30 Minit, Sebelum Ia Sampai Ke Skrin, Cerita Orang Lama RTB, Ad-Deen Wad-Dunyaa Edisi Khas, Vibe Duo Extra serta The Countdown: Festival Media Kreatif 2026.

Pada hari kedua, para pengunjung akan berpeluang mengikuti pelbagai aktiviti menarik, antaranya Pound Fit by Harshey, sesi bersama dua pemain DPMM FC, kuiz Boleh Percaya Kah?, Satu Pentas, Sayembara Bermukun Purih Berunai, Harmoni Si Comelku, Pentas Drama serta Top 5 Anugerah Skrin Brunei.

Manakala, pengisian pada hari terakhir pula merangkumi Career Talk RTB, Lembaran Manuskrip, forum bertajuk AI Akan Ganti Orang Media?, Di Sebalik Suara Berita, Kawan, Bukan Lawan, Personal Growth : Glow Up Starts Today serta sesi perkongsian mengenai perancangan kewangan dan persediaan menghadapi persaraan menerusi Financial Talk : Are You Retirement Ready?.

Sebagai salah satu acara kemuncak, para pengunjung juga berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik menerusi Cabutan Bertuah yang dijadualkan berlangsung pada 23 November 2026, dari pukul 8.00 hingga 9.00 malam.

Dalam menjayakan penganjuran karnival berkenaan, RTB turut mendapat sokongan dan sumbangan daripada pihak penaja, iaitu Arabian High Street, Nestek Sdn. Bhd., Al-Hijrah Travel & Tours, Studio 7, Firoz Jaya Silk House & Textile Palace dan M.S. Titanstar Enterprise (Paloma). Karnival Media RTB 2026 dibukakan kepada orang ramai dari pukul 9.00 pagi hingga 9.00 malam sepanjang tiga hari penganjurannya di Atrium Setia Point, Berakas.

>> Muka 2

Ancaman siber semakin kompleks memerlukan langkah perlindungan lebih berkesan

Inilah sebabnya mengapa MTIC akan terus bekerjasama rapat dengan kementerian, jabatan dan agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan, melalui Jawatankuasa Keselamatan Siber Kebangsaan, sebagai salah satu platform untuk penyelarasan, kesedaran awam dan tindak balas kolektif kami terhadap jenayah siber.

Pengajarannya jelas ancaman siber tidak menghormati sempadan organisasi atau sektor. Oleh itu, jawapan kita juga tidak boleh.

Ini membawa saya kepada tema persidangan tahun ini : 'Resilient by Design'. Secara tradisinya, keselamatan siber banyak menumpukan pada dinding bangunan perlindungan untuk mengekalkan ancaman di luar sistem kami. Perlindungan tetap penting.

Tetapi kita juga mesti menerima realiti yang lebih sukar: tiada sistem boleh menganggap bahawa setiap ancaman akan sentiasa dicegah. Oleh itu, persoalan yang lebih penting ialah Jika serangan berjaya, bolehkah sistem kritikal kita menahannya? Bolehkah perkhidmatan penting diteruskan? Bolehkah kita pulih dengan cepat, selamat dan yakin?

Itulah inti pati ketahanan. Ketahanan tidak boleh difikirkan semula, ditambah hanya selepas insiden berlaku. Ia mesti direka bentuk ke dalam sistem kita dari awal lagi daripada seni bina dan perolehan, kepada pembangunan, penggunaan dan operasi. Akhirnya, ia mesti diterapkan ke dalam budaya keselamatan siber setiap organisasi yang diamanahkan dengan tanggungjawab negara. Inilah yang dimaksudkan dengan berdaya tahan dengan reka bentuk.

Dalam menterjemahkan prinsip ini ke dalam amalan, Keselamatan Siber Brunei kini sedang mengukuhkan panduan yang tersedia untuk kerajaan, pemilik CII dan industri. Ini termasuk Kod Amalan untuk Infrastruktur Maklumat Kritikal yang dikemas kini, dilengkapi dengan dua bidang panduan dasar yang baru diperkenalkan.

Yang pertama ialah Garis Panduan Dasar Keselamatan AI. Memandangkan Kepintaran Buatan semakin tertanam di seluruh kerajaan, industri dan masyarakat, kita mesti memastikan penggunaannya berlaku dalam rangka kerja tadbir urus yang jelas dan bertanggungjawab.

Yang penting, kita mesti melihat melangkaui AI generatif hari ini ke arah pemahaman AI yang agen dan autonomi bukan sahaja risiko yang mungkin diperkenalkan oleh teknologi ini, tetapi juga bagaimana ia boleh mengukuhkan keupayaan keselamatan siber kita sendiri. Objektif kita bukan untuk menahan inovasi, tetapi untuk memastikan kita dapat menerimanya dengan selamat, bertanggungjawab dan yakin.

Yang kedua ialah Garis Panduan Selamat oleh Dasar Reka Bentuk. Ini membawa tema persidangan kita secara langsung ke dalam amalan dengan mengukuhkan pertimbangan keselamatan, sepanjang keseluruhan kitaran hayat sistem daripada reka bentuk dan perolehan terawalnya, melalui pembangunan dan penggunaan dan akhirnya ke dalam operasinya.

Ini menjadi lebih relevan kerana pembangunan perisian dalam bentuk AI menjadikan penciptaan aplikasi semakin mudah diakses. Inovasi harus digalakkan. Tetapi kebolehcapaian yang lebih besar mesti disertai dengan tanggungjawab yang lebih besar.

Secara keseluruhan, Kod Amalan untuk CII yang dikemas kini, Garis Panduan Dasar Keselamatan AI dan Garis Panduan Selamat oleh Dasar Reka Bentuk akan menyediakan asas yang semakin koheren untuk organisasi membina dan mengendalikan sistem yang berdaya tahan mengikut reka bentuk.

Melangkah ke hadapan, saya juga akan menggalakkan Keselamatan Siber Brunei untuk membangunkan lebih banyak panduan khusus sektor secara progresif, dengan menyedari bahawa realiti keselamatan siber tenaga, kewangan, penjagaan kesihatan dan pengangkutan tidak semestinya sama. Begitu juga, usaha untuk menyelaraskan keperluan pelaporan insiden harus diteruskan, supaya respons kita menjadi lebih jelas, lebih konsisten dan lebih diselaraskan merentas semua sektor.

Tetapi daya tahan siber negara tidak boleh dimiliki oleh kerajaan dan Infrastruktur Maklumat Kritikal sahaja. Perniagaan kita terutamanya perusahaan kecil dan sederhana kita membentuk tulang belakang ekonomi digital kita dan mereka sendiri semakin terdedah kepada ancaman siber. Mereka juga mesti dilengkapi untuk melindungi diri mereka sendiri.

Oleh itu, saya berbesar hati untuk mengambil perhatian pengenalan oleh Cyber Security Brunei TERAS Siber, skim pensijilan keselamatan siber garis dasar kebangsaan kami untuk organisasi dari semua saiz.

Lima tonggak TERAS Siber iaitu Akses Dipercayai, Pertahanan Titik Akhir, Data Berdaya Tahan, Tindak Balas Aktif dan Budaya Selamat menterjemahkan keselamatan siber kepada langkah praktikal dan boleh difahami yang boleh diguna pakai oleh organisasi. Saya amat menggalakkan perniagaan kita, termasuk PKS kita, untuk menerima amalan asas ini.

Cita-cita jangka panjang kita harus melangkaui penerimaan negara. Memandangkan NBD mengambil bahagian dalam ekonomi digital ASEAN yang semakin bersepadu, kita harus berusaha ke arah pengiktirafan serantau yang lebih besar terhadap piawaian dan pensijilan tersebut, menyokong perniagaan kita semasa mereka mempelbagaikan dan berskala di seluruh Asia Tenggara.

Persoalan kepercayaan yang lebih luas ini adalah sama penting semasa kita memajukan aspirasi Digital Brunei 2030. Transformasi digital hanya boleh berjaya apabila rakyat dan perniagaan mempunyai keyakinan terhadap sistem yang mereka gunakan.

Pelaksanaan berterusan Brunei ID, dengan kerjasama erat dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, merupakan bahagian penting dalam ekosistem digital yang dipercayai ini, menyediakan asas untuk satu identiti digital yang berwibawa sambil membolehkan akses dan perkhidmatan yang lebih selamat dan mudah untuk rakyat dan perniagaan.

Memandangkan lebih banyak pengeluar dan pengesah kelayakan digital secara progresif digunakan di seluruh kerajaan, industri dan akademik, asas kepercayaan itu akan menjadi semakin penting kepada ekonomi digital kita yang lebih luas.

Teknologi dan dasar sahaja, bagaimanapun, tidak akan menjadikan kita berdaya tahan. Akhirnya, daya tahan bergantung kepada manusia.

Oleh itu, salah satu cabaran terbesar kami ialah memastikan NBD membangunkan saluran bakat keselamatan siber yang cukup kukuh untuk menyokong keperluan negara kita termasuk keperluan sepuluh sektor perkhidmatan penting kita.

Saya berbesar hati untuk memaklumkan bahawa Keselamatan Siber Brunei sedang membangunkan Rangka Kerja Kecekapan Keselamatan Siber Kebangsaan Brunei atau BNCCF, berdasarkan Rangka Kerja NIST NICE yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Dijangka, insyaaAllah, menjelang suku pertama 2027, rangka kerja ini akan memetakan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang diperlukan merentas peranan keselamatan siber dan mewujudkan laluan kerjaya yang lebih jelas untuk profesional kami.

Ini seharusnya melengkapkan usaha kebangsaan kita yang lebih luas untuk mengukuhkan kecekapan ICT dan membantu kita membangunkan keselamatan siber bukan sahaja sebagai pekerjaan teknikal, tetapi sebagai laluan kerjaya profesional yang mampan dan dihormati.

Pada masa yang sama, Keselamatan Siber Brunei, bersama-sama Persatuan Keselamatan Siber Brunei, ahli akademik, industri dan rakan kongsi lain, mesti terus memperkukuh tenaga kerja kita melalui program Kemahiran Siber dan Pertumbuhan serta inisiatif pembinaan kapasiti yang lain.

Perkongsian antarabangsa akan kekal penting untuk usaha ini. Kerjasama kami dengan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), yang termasuk CyberDrill dan Persidangan Asia-Pasifik yang dihoskan di NBD pada 2024, telah berkembang ke dalam bidang termasuk bantuan dasar Perlindungan Dalam Talian Kanak-kanak dan pembangunan kapasiti keselamatan siber.

Baru-baru ini, penglibatan dengan EU CyberNet menyediakan satu lagi jalan di mana NBD boleh mengukuhkan kepakaran teknikal dan mendapat manfaat daripada pengalaman antarabangsa dalam keselamatan siber dan memerangi jenayah siber.

Melalui perkongsian ini, saya berharap kita dapat membina kepakaran dan keupayaan institusi secara progresif yang mungkin suatu hari nanti menyokong penubuhan Akademi Siber atau Pusat Kecemerlangan kita sendiri, insyaaAllah.

Mesej yang saya ingin tinggalkan bersama awda hari ini ialah, daya tahan siber negara tidak boleh disampaikan oleh Keselamatan Siber Brunei sahaja. Ia juga tidak boleh dicapai melalui perundangan, teknologi atau pematuhan sahaja.

Ia memerlukan kerajaan, pengendali CII, perniagaan, penyedia teknologi, ahli akademik dan kakitangan kita untuk memahami bahawa setiap daripada kita membentuk sebahagian daripada ekosistem digital yang sama. Kelemahan dalam satu bahagian ekosistem itu akhirnya boleh menjejaskan banyak bahagian lain.

Ini amat relevan dengan sektor yang bergantung kepada ketersambungan dan ekonomi kita. Dalam portfolio pengangkutan MTIC, penerbangan dan maritim menghubungkan NBD secara fizikal kepada dunia, manakala infrastruktur digital semakin menyokong cara sektor tersebut beroperasi. Oleh itu, saya maklumkan bahawa persidangan ini juga termasuk Bengkel Keselamatan Siber Maritim yang dikendalikan oleh Makmal Kapal Siber Universiti Plymouth, dengan penglibatan substantif selanjutnya dijangka selepas itu. Kerjasama sedemikian menunjukkan dengan tepat hala tuju yang mesti kita ambil untuk menterjemah dasar keselamatan siber negara kepada pemahaman, keupayaan dan tindakan khusus sektor.

Saya mengulangi, ketika NBD meneruskan transformasi digitalnya, ukuran kejayaan kita tidak hanya, berapa banyak teknologi yang kita pakai. Ia juga mestilah sejauh mana keyakinan kita boleh bergantung kepadanya; seberapa selamat kita boleh menggunakannya; dan seberapa cepat kita boleh bertindak balas dan pulih apabila ia dicabar.

Itulah peralihan daripada keselamatan siber sebagai perlindungan kepada keselamatan siber sebagai daya tahan. Dan itulah sebabnya daya tahan mesti dibina bukan selepas kejadian, tetapi dengan reka bentuk.

Sebagai penutup, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Keselamatan Siber Brunei dan Persatuan Keselamatan Siber Brunei atas visi dan usaha mereka dalam menganjurkan persidangan ini, serta kepada rakan kongsi, penaja, penceramah dan peserta tempatan dan antarabangsa kami.

Sepanjang dua hari ini, saya menggalakkan awda semua bukan sahaja untuk bertukar-tukar ilmu dan pengalaman, tetapi juga untuk mengenal pasti peluang praktikal untuk kerjasama yang dapat mengukuhkan daya tahan NBD dan wilayah kita yang lebih luas.

Keselamatan siber akhirnya menjadi tanggungjawab bersama. Dan daya tahan yang kami bina hari ini akan menentukan keyakinan kami untuk mengejar masa depan digital kami esok.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmannir Rahim*, saya dengan ini merasmikan pembukaan Persidangan Keselamatan Siber Brunei Ke-4, CySec 2026 dengan tema 'Resilient by Design: Protecting Critical Infrastructure'.

Wabillahit Taufik Walhidayah, *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.



PELITA BRUNEI

MAJLIS KHATAM AL-QURAN SEMPENA 70 TAHUN PENDIDIKAN UGAMA FORMAL

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 November. - Al-Quran merupakan sumber panduan utama umat Islam dan menjadi antara tunjang penting dalam sistem pendidikan ugama di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sejak bermulanya Pendidikan Ugama Formal pada 16 September 1956, pengajaran dan pembelajaran Al-Quran terus diberikan penekanan dalam usaha melahirkan generasi yang bukan sahaja mahir membaca ayat-ayat suci Al-Quran, malah mampu memahami, menghayati dan mengamalkan ajarannya dalam kehidupan seharian.

Usaha berterusan tersebut juga mencerminkan hasrat negara untuk melahirkan generasi celik Al-Quran, selaras dengan gagasan Negara Zikir.

Sebagai tanda kesyukuran sempena Sambutan Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengungkayahkan majlis tersebut dengan melibatkan 70 peserta terpilih daripada keempat-empat daerah.

Para peserta terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah Arab dan sekolah ugama serta peserta-peserta Skim Tilawah Al-Quran Kanak-Kanak (STAKA) dan Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR).

Majlis berkenaan diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong, di sini, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar serta Pegawai-pegawai Kanan KHEU.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam.

Majlis disusuli dengan bacaan Doa Khatam oleh pelajar Tahun 1, STAR, Awang Ahmad Harith Irfan bin Haji Umardani. Majlis turut diserikan dengan persembahan dikir, sebelum diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai JPI, Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan.

Sambutan Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal berkenaan merupakan satu pencapaian bermakna yang mencerminkan perjalanan panjang dan komitmen berterusan negara dalam memperkasa pendidikan ugama.

Penganjuran majlis seumpama tersebut turut menjadi wadah untuk menghargai legasi yang telah dibina sejak tujuh dekad lalu, di samping menyemarakkan semangat untuk meneruskan usaha memartabatkan pendidikan ugama demi manfaat generasi akan datang.





YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar kanan, majlis tersebut dengan melibatkan 70 peserta terpilih daripada keempat-empat daerah.

MoU mempromosi gaya hidup sihat



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada majlis berkenaan. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Kerjasama tersebut menyokong tiga program di bawah Pusat Promosi Kesihatan (HPC) iaitu Program Workplace and Health (WAH), Program Happy Environment and Lifestyle (HEAL) serta Program Growing, Learning, Optimizing Towards Better Well-Being in Schools (GLOW).

Selain itu, kerjasama berkenaan turut merangkumi sokongan terhadap pelbagai inisiatif gaya hidup sihat yang lain, termasuk pendidikan pemakanan dan Program Cara Hidup Sihat (PCHS).

Majlis Menandatangani MoU berkenaan berlangsung di Dewan Al-'Afiah dengan disaksikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku tetamu kehormat.

Turut hadir, Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Pengerusi Gleneagles JPMC.

Menandatangani perjanjian bagi pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud dan Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Dayang Siti Rosemawati binti Haji Mohd. Yussof.

Sementara itu, Gleneagles JPMC diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dr. Peter Tay, dan Ketua Pegawai Operasi, Awang 'Izzul Hamzi bin Haji Jomari.

Terdahulu dalam ucapan, Dr. Peter Tay berkata sejak kerjasama tersebut dimulakan pada tahun 2019, ia terus berkembang berlandaskan satu matlamat bersama, iaitu mempromosikan gaya hidup lebih sihat, memperkukuh penjagaan kesihatan pencegahan serta memperkasa masyarakat untuk mengambil tanggungjawab yang lebih besar terhadap kesihatan dan kesejahteraan diri masing-masing.

Menurut beliau, tanggungjawab Gleneagles JPMC sebagai sebuah institusi penjagaan kesihatan bukan sekadar menyediakan rawatan perubatan yang berkualiti, malah turut merangkumi usaha meningkatkan kesedaran, menggalakkan pencegahan serta membantu individu membuat pilihan yang tepat dan bermaklumat berkaitan kesihatan.

"Di Gleneagles JPMC, kami percaya bahawa tanggungjawab kami sebagai sebuah institusi penjagaan kesihatan melangkaui penyediaan rawatan perubatan yang berkualiti.

"Sama pentingnya ialah peranan kami dalam meningkatkan kesedaran, menggalakkan pencegahan dan membantu individu membuat pilihan yang tepat dan bermaklumat mengenai kesihatan mereka. Melalui kerjasama ini, kami terus menyokong tiga inisiatif penting promosi kesihatan," ujar beliau.

Sejurus pemeteraian MoU tersebut, Dr. Peter Tay, bagi pihak Gleneagles JPMC, turut menyampaikan sumbangan berjumlah BND250,000 kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan bagi pihak Kementerian Kesihatan. Sumbangan berkenaan akan dimanfaatkan bagi menyokong pelaksanaan program-program di bawah bidang kuasa HPC.

MoU tersebut menggariskan komitmen kedua-dua pihak untuk terus memperkukuh dan menyelaraskan usaha sedia ada serta meneroka inisiatif baharu dalam mempromosikan gaya hidup sihat.

Kerjasama berterusan itu juga bertujuan menyumbang kepada usaha pencegahan dan pengawalan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) di Negara Brunei Darussalam.



MAJLIS Menandatangani MoU berkenaan telah berlangsung di Dewan Al-'Afiah disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan selaku tetamu kehormat.

36 RESOLUSI TANGANI ISU KESELAMATAN, AI, KESEJAHTERAAN GLOBAL

Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat
Foto : Urus Setia Majlis Mesyuarat Negara, ihsan Kongres Republik Filipina

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Sabtu, 21 November. - Perhimpunan Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Ke-47 yang berlangsung di Manila, Republik Filipina, berakhir pada 20 November 2026 dengan penerimaan 36 resolusi yang merangkumi keselamatan serantau, keselamatan makanan dan tenaga, Kecerdasan Buatan (AI), perubahan iklim, penjagaan kesihatan, pekerja migran serta perlindungan wanita dan kanak-kanak.

Mesyuarat enam Komiti AIPA yang berlangsung sepanjang perhimpunan telah membincangkan dan menerima pakai resolusi merangkumi bidang politik, ekonomi, sosial dan organisasi, termasuk kepimpinan wanita serta penglibatan ahli parlimen muda dalam pembangunan serantau.

Komiti Politik memberi tumpuan kepada keamanan dan kestabilan serantau melalui diplomasi antara parlimen, kerjasama keselamatan maritim serta usaha menangani jenayah rentas sempadan dan ancaman keselamatan siber. Perbincangan turut menyentuh kerjasama kemanusiaan dan Ulang Tahun Ke-50 Treaty of Amity and Cooperation in Southeast Asia (TAC).

Manakala Komiti Ekonomi pula membincangkan keterjaminan makanan dan tenaga, daya tahan rantaian bekalan, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKMS), tadbir urus AI serta usaha menangani perubahan iklim dan risiko bencana.

Sementara Komiti Sosial pula menumpukan usaha menangani penyalahgunaan dadah, perlindungan pekerja migran, penjagaan kesihatan, pendidikan semasa bencana serta pengukuhan persefahaman dalam kalangan masyarakat ASEAN.

Dalam Mesyuarat Ahli Parlimen Wanita AIPA (WAIPA), perhatian diberikan kepada kepimpinan wanita dalam keamanan dan keselamatan, penyertaan wanita dalam ekonomi digital serta tadbir urus AI yang selamat dan inklusif.

Sementara itu, Mesyuarat Ahli Parlimen Muda AIPA (YPA) memberi perhatian kepada keselamatan kanak-kanak dan golongan muda dalam persekitaran digital, khususnya perlindungan data peribadi, literasi digital dan kesihatan mental.

Majlis Mesyuarat Negara (MMN) turut menyumbang kepada pengukuhan peranan YPA melalui penerimaan resolusi bertajuk 'Approval of the Rules of Procedures of the Meeting of Young Parliamentarians of AIPA (YPA)' bagi menetapkan tatacara mesyuarat bagi mesyuarat AIPA.

Komiti Organisasi pula menumpukan kepada pengukuhan tadbir urus AIPA melalui pindaan statut, pengurusan kewangan dan urusan pentadbiran. Kerjasama AIPA dengan parlimen di luar rantau ASEAN turut diperluas melalui penerimaan Serbia dan Sepanyol sebagai Parlimen Pemerhati.

Perhimpunan Agung AIPA Ke-47 turut mengadakan sesi dialog bersama Parlimen-Parlimen Pemerhati AIPA bagi bertukar pandangan mengenai kerjasama dalam menangani cabaran keselamatan, ekonomi, teknologi dan pembangunan mampan.

Sementara itu, 5th AIPA-ASEAN Hearing memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh kerjasama antara AIPA dan ASEAN dalam pelaksanaan ASEAN Community Vision 2045, khususnya melalui penglibatan parlimen. Perbincangan turut menyentuh kerjasama dengan ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights (AICHR) dalam mendukung usaha pembangunan inklusif, perlindungan golongan rentan dan perkongsian maklumat antara institusi.

Perhimpunan yang turut disertai oleh delegasi MMN itu diakhiri dengan Sidang Plenari Kedua dan Majlis Penutup, serta penyerahan Kepengerusian AIPA. Sidang Plenari Kedua pada 20 November 2026 telah menyaksikan Kenyataan Bersama (Joint Communique) Perhimpunan Agung AIPA Ke-47 yang merakamkan keputusan dan komitmen bersama dalam Perhimpunan Agung dalam memperkukuh kerjasama serantau.



DELEGASI Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir mewakili Negara Brunei Darussalam pada perhimpunan berkenaan.

Semua delegasi AIPA telah menandatangani Kenyataan Bersama, yang menegaskan semula komitmen terhadap ASEAN yang aman, makmur dan berpusatkan rakyat.

Majlis Penutup kemudian diteruskan dengan penyampaian Anugerah AIPA Distinguished Service Award kepada tiga penerima sebagai penghargaan dan pengiktirafan terhadap sumbangan mereka kepada AIPA, iaitu Yang Berhormat Dr. (H.C.) Puan Maharani dari Republik Indonesia; dan Yang Berhormat Suos Yara dari Kerajaan Kemboja.

Anugerah turut diberikan kepada mendiang Presiden Perhimpunan Kebangsaan Republik Demokratik Rakyat Lao, Yang Berhormat Xaysomphone Phomvihane.

Majlis turut menyaksikan upacara penerimaan Perhimpunan Kebangsaan Republik Serbia dan Senat Sepanyol sebagai Parlimen Pemerhati AIPA yang baharu.

Perhimpunan Agung berkenaan dihoskan oleh Republik Filipina di bawah kepimpinan Speaker Dewan Rakyat, Tuan Yang Terutama Faustino "Bojie" G. Dy III, selaku Presiden AIPA.

Dengan berakhirnya Perhimpunan Agung di Manila, Republik Filipina secara rasmi menyerahkan jawatan Presiden AIPA kepada Republik Singapura, yang akan menjadi tuan rumah Perhimpunan Agung AIPA Ke-48 pada 2027.

Pameran ketengahkan keunikan warisan Kampong Ayer

Berita dan Foto: Nurdiyanah Rajami



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis perasmian pameran tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 November. - Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kitani Kreatif selaku rakan strategik telah mengadakan Majlis Perasmian Pameran Ristaan Kampung Aing 2026 bertemakan 'Kampung Aing : Warisan Merentasi Zaman' yang bertempat di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Bandar Seri Begawan, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan majlis perasmian pameran tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin yang seterusnya menyaksikan ruang pameran di akhir acara.

Turut hadir, pengarah-pengarah, para pensyarah, pegawai dan kakitangan daripada sektor kerajaan dan swasta, ahli akademik, para artis serta penggiat seni, para pencinta dan peminat sejarah.

Majlis perasmian tersebut turut diselajurkan dengan pelancaran buku terbitan terbaharu PSB berjudul 'Kampung Aing : A Socio-Economic and Cultural Transition', hasil penulisan Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Tassim bin Haji Abu Bakar.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Dalam ucapan alu-aluan di majlis berkenaan, Pemangku Timbalan Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh selaku Pengerusi Majlis antaranya menjelaskan dengan mengangkat tema 'Kampung Aing : Warisan Merentasi Zaman' penganjuran pameran ini adalah sebagai satu usaha untuk merista, mengimbau dan mengingatkan kembali penduduk-penduduk di Kampong Ayer serta orang ramai akan kegemilangan Kampong Ayer yang telahpun kita sama-sama warisi sejak ratusan tahun dahulu hinggalah ke hari ini.

Beliau juga antaranya berkongsi sedikit penjelasan mengenai dengan penggunaan perkataan 'Kampung Aing' dari perkataan 'Kampong Ayer' yang digunakan sebagai tajuk pameran ini adalah kerana mengambil kira kepada kewalihan dan kelaziman sebutannya dalam Bahasa Melayu Brunei yang dituturkan oleh masyarakat Melayu Brunei di Kampong Ayer sejak dahulu lagi.

"Untuk pengetahuan kita bersama, objektif pameran ini dilaksanakan adalah semata-mata untuk memupuk dan membangun kesedaran serta meningkatkan rasa kepunyaan dan semangat cintakan negara kepada para pengunjung khususnya para belia masa kini akan kepentingan memelihara warisan negara khususnya Kampong Ayer yang merupakan sebuah asset sangat berharga dan bernilai tinggi yang menjadi lambang kepada jati diri dan identiti Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Malah, menerusi pameran ini nanti, ia juga dapat memberikan ilmu dan pengetahuan serta pengalaman kepada para pengunjung tentang kepentingan Kampong Ayer yang dahulunya memainkan peranan sangat penting sebagai sebuah pusat pemerintahan, pentadbiran, perdagangan dan diplomatik, pusat perkembangan ilmu dan agama Islam, pusat kesenian, pusat kebudayaan dan adat istiadat dalam Kesultanan Brunei," ujar Awang Mohammad Faisal.

Dalam pada itu, Pengasas Bersama Kitani Kreatif dan Pengarah Projek Pameran Ristaan Kampung Ayer, Dayang Nuur Aqilah binti Ali turut berkesempatan menyampaikan ucapan di majlis perasmian pameran berkenaan yang antara lain menyatakan kebanyakan antara kita membesar di NBD yang dibentuk oleh keputusan, pembangunan, dan dasar-dasar yang wujud jauh sebelum zaman kita.

Namun, jelasnya, kita bukan sekadar hasil daripada masa silam kita. Kita juga merupakan pihak yang turut berperanan dalam mencorakkan masa depan. Sebagai seorang anak muda, beliau juga percaya dengan masih mempunyai baki lima tahun sebelum tidak lagi dianggap sebagai golongan muda yang mana dirinya melihat perkara ini sebagai satu peluang sekali gus satu tanggungjawab.

Tambah Dayang Nuur Aqilah lagi, sebagai anggota masyarakat, beliau sedar bahawa apa jua perubahan yang ingin kita bawa, kita akan menjadi lebih kuat apabila kita mengusahakannya bersama-sama. Hal ini juga yang membawa dirinya kepada Pameran Ristaan Kampung Aing.

Majlis kemudiannya disusuli dengan tayangan mikro-dokumentari dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai sebelum diteruskan dengan lawatan ke pameran berkenaan.

Pameran berkenaan dibukakan kepada orang ramai selama 14 hari, bermula Sabtu, 21 November hingga Jumaat, 4 Disember 2026, sepanjang waktu operasi Kompleks YSHHB. Pameran ini bertempat di Dewan Tingkat 1 kompleks berkenaan.

Pameran ini turut menampilkan hasil karya para penggiat seni tempatan daripada pelbagai peringkat umur dan lapisan masyarakat, dengan mempamerkan lebih daripada 100 buah gambar dan ilustrasi yang mengimbau nostalgia serta kenangan kehidupan masyarakat Kampong Ayer suatu ketika dahulu sebagai ristaan dan tatapan generasi masa kini.

Penganjuran pameran ini merupakan inisiatif PSB untuk merista dan mengetengahkan keunikan warisan Kampong Ayer yang berusia lebih seribu tahun, serta kepentingannya dalam sejarah Kesultanan Brunei sebagai pusat pemerintahan, perdagangan, perkembangan ilmu dan agama Islam, kesenian serta kebudayaan di nusantara.



PAMERAN ini menampilkan hasil karya para penggiat seni tempatan daripada pelbagai peringkat umur dan lapisan masyarakat.

PELITA BRUNEI

Meningkatkan, menambah baik pemahaman tentang ortopedik

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 November. - Lebih 200 peserta yang terdiri daripada doktor, jururawat dan profesional kesihatan menghadiri Orthopaedic Society Scientific Symposium yang dianjurkan oleh Persatuan Ortopedik Brunei Darussalam bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud.

Simposium pendidikan yang berlangsung selama sehari tersebut membawa tema bergerak menuju masa depan, merangkumi beberapa sesi perkongsian berkaitan ortopedik yang membincangkan konsep-konsep semasa dan masa depan, yang dibahagikan secara meluas kepada beberapa segmen termasuklah artroplasti anggota bawah, inovasi rawatan serta sesi akademik berorientasikan penyelidikan.

Acara tahun ini menyerlahkan komitmen berterusan presidennya, Dr. Mohammad Abdul Hafidz bin Haji Yakob untuk mengukuhkan piawaian dan kualiti kandungan pendidikannya, yang lazimnya merangkumi bengkel, perkongsian, serta aktiviti pengajaran di peringkat jabatan.

Dua penceramah antarabangsa dari Malaysia yang menyampaikan ceramah dalam bidang kepakaran masing-masing semasa acara berkenaan ialah Dr. Nor Azman, dari Universiti Sains Malaysia (USM), yang menyampaikan ucaptama mengenai penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) untuk memudah cara penyelesaian percetakan 3D dalam kes trauma muskuloskeletal.





SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Orthopaedic Society Scientific Symposium (kanan), manakala gambar bawah kiri, antara yang turut hadir pada simposium berkenaan.

Manakala Dr. Fekry Leong, bekas ahli persatuan tersebut yang kini berkhidmat dengan kumpulan ortopedik Sunway, turut mengongsikan pengalaman beliau berkaitan pembedahan penggantian sendi pinggul dan lutut dengan bantuan robotik.

Sekumpulan penceramah tempatan juga turut menyampaikan ceramah mengenai perkembangan terkini dalam rawatan bagi pesakit ortopedik secara amnya, yang ditawarkan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dr. Lydia, seorang pegawai perubatan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), memberikan maklumat terkini mengenai pembedahan rekonstruksi ACL manakala, Awang Mohammad Arif Hussin yang merupakan seorang ahli fisioterapi antara lain membincangkan hasil penyelidikannya tentang peranan senaman yang semakin penting dalam pengurusan artritis lutut.

Sementara itu, Dayang Siti Ruzanah yang merupakan pakar podiatri pula membentangkan laporan kes mengenai satu kaedah rawatan baharu bagi masalah kaki akibat diabetes.

Pada masa yang sama dalam satu sesi akademik, seramai tiga pelatih junior dari pelbagai jabatan di Hospital RIPAS turut tampil membentangkan projek penyelidikan masing-masing semasa acara berkenaan.

Persatuan Ortopedik Brunei Darussalam yang ditubuhkan pada tahun 2012 setelah didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan merupakan sebuah persatuan yang dianggotai oleh doktor-doktor ortopedik yang berkhidmat di negara ini.

Misi persatuan ini adalah untuk memupuk dan menyokong peluang pendidikan bagi meningkatkan serta menambah baik pemahaman tentang ortopedik dalam kalangan tenaga kerja penjagaan kesihatan yang lebih luas. Persatuan ini telah diterima menyertai Persatuan Ortopedik Asia (Asian Orthopaedic Association) pada tahun 2013 dan kekal menjadi ahli sejak itu.

Keahlian ini membolehkan persatuan tersebut menjalin hubungan berterusan dengan persatuan-persatuan ortopedik lain di seluruh Asia Tenggara. Persatuan ini juga kerap menerima kunjungan pelawat dari negara-negara berkenaan.

MEMUPUK BUDAYA MEMBACA, PENULISAN DALAM KALANGAN GENERASI MUDA

Siaran Akhbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka



BERAKAS, Sabtu, 21 November. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah telah mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Karangan Majalah Naindung, Mekar, Juara Pelajar DBP 2026 di Balai Sarmayuda, DBP.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Turut hadir, Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit; pengarah-pengarah, pegawai - pegawai kerajaan, pengetua, guru-guru, ibu bapa serta para pelajar.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan bacaan 'Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam' serta Sesi Baca Buku 10 Minit.

Majlis turut diserikan dengan persembahan sketsa lakonan oleh para pelajar Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha. Seterusnya, ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pegawai Bahasa, Dayang Sharyanty binti Haji Md. Sharif, selaku Penolong Setiausaha.

Dayang Sharyanty dalam ucapannya, menjelaskan bahawa matlamat pertandingan bukan sekadar medan mencari pemenang, malah menjadi platform melahirkan generasi pelapis yang gemar membaca, berani berfikir kritis dan mencintai dunia penulisan.

Jelasnya lagi, perkara tersebut selaras dengan komitmen berterusan DBP dalam menyediakan ruang kepada generasi muda untuk berkarya melalui penerbitan majalah serta buku tempatan, sekali gus memastikan kesinambungan dunia penulisan tanah air.

Peraduan menulis karangan ini merupakan kegiatan tahunan DBP bertujuan untuk mencungkil dan mengembangkan bakat penulisan kreatif dalam kalangan kanak-kanak dan remaja, di samping memupuk budaya membaca, memperkasa penggunaan bahasa Melayu dan menggalakkan penghasilan karya yang bermutu.

Peraduan tahunan yang dibukakan bermula pada 1 Oktober 2025 hingga 30 September 2026 berkenaan mencatatkan sambutan menggalakkan dengan penerimaan sebanyak 263 buah karangan daripada pelajar di seluruh negara.

Para pemenang bagi setiap kategori menerima hadiah berupa wang tunai berserta plak, sijil penghargaan, majalah terbitan DBP dan hadiah tajaan.

Majlis turut menyaksikan penyampaian Hadiah Penghargaan Penyertaan Sekolah Terbaik dan Hadiah Penghargaan Jualan Majalah Terlaris Tahun 2026 sebagai pengiktirafan terhadap komitmen dan sokongan pihak sekolah dalam menyemarakkan budaya membaca dan menulis.

Pemenang tempat pertama bagi Kategori 'A' (Majalah Mekar) disandang oleh Dayang Siti Aisyah Rania binti Muhamad Iskandar dari Sekolah Rendah Beribi Telanai; manakala pemenang tempat pertama bagi Kategori 'B' (Majalah Juara Pelajar) diraih oleh Dayangku Nur Najla Mirza@Dayangku Mahira binti Pengiran Amirrul Azwan dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Bagi Kategori 'C' (Majalah Juara Pelajar), tempat pertama disandang oleh Dayang Nur Basirah Izzati binti Haji Ali Rahman dari Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al Khattab; manakala bagi Kategori 'D' (Majalah Naindung), tempat pertama disandang oleh Awangku Muhammad Irsyad Atqa bin Pengiran Mohamad Nabil Fikri dari Sekolah Arab Temburong.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (atas dan kiri).

Sementara itu, penerima bagi Hadiah Penghargaan Penyertaan Sekolah Terbaik ialah Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Kategori 'A'), Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait (Kategori 'B'), Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (Kategori 'C'), dan Sekolah Rendah Beribi Telanai (Kategori 'D').

Manakala penerima bagi Hadiah Penghargaan Jualan Majalah Terlaris Tahun 2026 ialah Sekolah Rendah Lubok Pulau (Majalah Naindung), Sekolah Chung Ching Seria (Majalah Mekar) dan Sekolah St. Andrew's (Majalah Juara Pelajar).

Penganjuran majlis berkenaan turut mendapat sokongan dan tajaan daripada rakan-rakan korporat, iaitu Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Gedung Perniagaan Aman Jaya (Hua Ho Department Store), Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd., Entrek (B) Sdn. Bhd. (Jollibee Brunei), IBIC Sdn. Bhd. (SEHAT Water) dan Firoz Jaya Silkhouse Sdn. Bhd.

Menerusi inisiatif berkenaan, DBP berharap penggunaan majalah terbitannya sebagai bahan bacaan tambahan berkualiti dapat diperluas, di samping melahirkan penulis muda yang mahir menghasilkan karya kreatif dan bukan kreatif dengan penggunaan bahasa Melayu yang tepat serta berkesan.

سرواڽ سوچي

بيجق مڠڬوناكن ڬاجيت

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسوڠڬوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠإيڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براوله كجيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

تيدق دنافيكن لاڬي بهاوا أومت إسلام توروت مڠهادڤي ڤركمبڠن تيكنولوجي يڠ بڬيتو ڤست، سهيڠك ملتقكن ڬاجيت سباڬاي ساله ساتو كڤرلوان أوتام دالم كهيدوڤن. دسباليق سكرين كجيل ايت، ڤلباڬاي أوروسن هارين ممڤو دسلسايكن دڠن بڬيتو موده، دكت دان ڤانتس. ملالوءيڽ، كيت داڤت برهوبوڠ دڠن سانق سودارا يڠ جاوه، منجاري معلومت دان منونتوت علمو، سرتا ممودهكن أوروسن ڤكرجأن. ڤينديق كات، بايق أوروسن هيدوڤ كيت جاوه لبيه موده دان تراتور بربنديڠ دهولو.

نامون، ڤرنهكه كيت برمحاسبه دان برتاڽ كڤد ديري سنديري: اداكه كيت تله مڠڬوناكن ڬاجيت دڠن برهيمه دان بيجق؟ جاڠن سمڤاي ڬاجيت يڠ سڤاتوتڽ ممودهكن أوروسن كهيدوڤن، أخيرڽ ممرڠكڤ ديري، لالو ملالايكن كيت درڤد ملقسناكن عبادة دان تڠڬوڠجواب، مرڠڬڠكن هوبوڠن كلوارك سرتا مڠهابيسكن أوسيا يڠ برهرڬا دڠن سيا-سيا.

جماعه يڠ درحمتي الله،

كتهويله بهاوا ڬاجيت هاڽله ألت. اي عبارت ڤيساو، بوليه دڬوناكن اونتوق مڽدياكن جاموان دان بوليه جوك ملوكاكن. جك دڬوناكن اونتوق كبايكن، اي اكن ممباوا منفعت. نامون جك اي دڬوناكن تنڤا كاولن، اي بوليه ممباوا كڤد كلالاين. اوليه ايت، انتارا ڤركارا أوتام يڠ ڤرلو دجاك دالم ڤڠڬونأن ڬاجيت اياله منجاك اڤ يڠ كيت ليهت، اڤ يڠ كيت توليس دان اڤ يڠ كيت سيباركن.

ڤد هاري اين، سسواتو بريتا بوليه ترسيبار كڤد اورڠ راماي هاڽ دالم هيتوڠن ببراڤ مينيت، بهكن كادڠكلا دالم بيلڠن ساعت. مالڠڽ، ماسيه اد يڠ تروس مڠوڠسي دان منولركن معلومت تنڤا ممريقسا ترلبيه دهولو. جوسترو، جاڠن ترلالو موده منكن بوتڠ "**هانتر**" اتاو "**كوڠسي**". إيڠتله، تيدق سموا يڠ تولر ايت بنر دان تيدق سموا معلومت يڠ كيت تريما لاياق اونتوق دسيباركن. عملكنله ڤرينسيڤ تَبَيُّن يإيت ممستيكن كصحيحن سسواتو بريتا سبلوم مڽيباركنڽ.

جاڠن بياركن ساتو سنتوهن جاري مڽيبكن كيت ترسوڠكور منجادي إيجين ڤڽيبار بريتا ڤلسو، ترجروموس دالم دوسا فتنه اتاو مڠهيبوهكن ڤركارا عيب يڠ منجاتوهكن مرواه اورڠ لاين. اڤ يڠ كيت كوڠسي هاري اين موڠكين كيت لوڤاكن إيسوق، تتاڤي كسنڽ ڤد ديري اورڠ لاين بوليه برڤنجڠن. إيڠتله بهاوا امارن اين تله دتكسكن ملالوءي سبواه حديث **درڤد أبو هريرة** رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، **رسول الله** صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **برسبدا: إِنَّ الْعَبْدَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ مَا يَتَبَيَّنُ فِيهَا، يَزِلُّ بِهَا فِي النَّارِ أَبْعَدَ مَا بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ. مقصودڽ: سسوڠڬوهڽ سأورڠ همبا مڠوجڤكن سواتو ڤركاتأن تنڤا منليتي دان مميكيركن عقيبتڽ، لالو دسيبكن ڤركاتأن ايت دي تركلينجير كدالم نراك لبيه جاوه درڤد جارق انتارا تيمور دان بارت. {حديث روايت إمام بُخَارِيّ}**

جوسترو، جاڠن كيت مڠأڠكڤ ڤربواتن دعالم مايا ترلڤس درڤد ڤرهيتوڠن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. سسوڠڬوهڽ، اڤ يڠ كيت لاكركن ملالوءي توليسن، اڤ يڠ كيت تيڠڬلكن ڤد رواڠن كومين دان اڤ يڠ كيت خبركن ملالوءي سيبارن، سمواڽ تتڤ اكن دڤرتڠڬوڠجوابكن. تيدق اد ساتو ڤون يڠ ترلڤس درڤد جاتتن ملائكة سباڬايمان فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دالم سورة ق أية ١٨:

تيدق اد ڤركاتأن يڠ دلفظكن (اتاو ڤربواتن يڠ دلاكوكن سسأورڠ) ملاينكن دسيسيڽ اد ملائكة ڤڠاوس يڠ سديا (منجاتتڽ).

مك سبلوم جاري كيت برڬرق، تاڽله كڤد ديري: بنركه اي؟ برمنفعتكه اي؟ اتاو اكن كيت سسلي كلق؟

جماعه يڠ درحمتي الله،

ڤڠڬونأن ڬاجيت دالم رواڠ ليڠكوڤ كلوارك جوك ڤرلو دبريكن ڤرهاتين يڠ سواجرڽ. ڬاجيت سڤاتوتڽ منجادي جمبتن يڠ مندكتكن هاتي، بوكن منجاوهكن كيت درڤد اورڠ يڠ ڤاليڠ همڤير دڠن كيت. نامون هاري اين، اد كلوارك يڠ دودوق سميجا، تتاڤي ماسيڠ-ماسيڠ سيبوق دڠن ڬاجيت. اد إيبو باڤ يڠ ترلالو ليكا ملايني سكرين ديجيتل، سمنتارا أنق-أنق ڤولا دبياركن برسام ڬاجيت تنڤا كاولن. تنڤا كيت سدري، ڤربوالن، تونجوق اجر دان كاسيه سايڠ دالم كلوارك سماكين بركورڠن دان أخيرڽ هيلڠ.

إيڠتله، بهاوا أنق-أنق يڠ كيت أسوه دري كجيل اداله أمانه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ يڠ اكن دڤرسوألكن كلق. اوليه ايت، ڤنتاوله اڤ يڠ مريك تونتون دان سليديقيله دڠن سياڤا مريك برهوبوڠ دعالم مايا. حدكن تيمڤوه ماس ڤڠڬونأن ڬاجيت دان لواڠكنله ماس برسام مريك. ڤاليڠ أوتام، جاديله سوري تلادن يڠ بايك. جاڠن كيت مڽوروه أنق-أنق ملتقكن ڬاجيت، سدڠكن تيليفون بيمبيت كيت سنديري تيدق ڤرنه لڤس درڤد تاڠن. أنق-أنق لبيه بايق منيرو اڤ يڠ مريك ليهت، بربنديڠ اڤ يڠ مريك دڠر.

بڬيتو جوك دالم أوروسن ڤكرجأن. ڬاجيت سڤاتوتڽ ممودهكن ڤكرجأن، بوكن مڽيبكن أمانه يڠ دڤيكول ترابايي. جاڠن بياركن وقتو بكرجا تربواڠ بڬيتو سهاج دڠن ميديا سوسيال اتاو أوروسن ڤريبادي سجارا برلبيهن. سباليقڽ، ڬوناكنله تيكنولوجي اونتوق منيڠكتكن موتو دان ڤرودوكتيوتي ڤكرجأن دمي منجاري رزقي يڠ بركة.

سلاين ايت، كتيك خطبة جمعة دسمڤايكن، جاڬله اداب دڠن مڽيمڤن تيليفون بيمبيت دان مڠهنتيكن سبارڠ ڤربوالن سسام جماعه. إيلقكن ممباچ ميسيج، ملايري ميديا سوسيال اتاو ملاكوكن ڤركارا يڠ مڠڬڠڬو تومڤوان. جاڠن بياركن كحاضيرن كيت دمسجد منجادي سيا-سيا هاڽ كران ڤرهاتين دان فيكيرن كيت ملايڠ ڤد سكرين تيليفون بيمبيت.

جماعه يڠ درحمتي الله،

اونتوق أخيرڽ، ماريله كيت ملتقكن تيكنولوجي اين ڤد تمڤتڽ يڠ بتول دڠن ڤنوه راس تقوى. إيڠتله بهاوا ستياڤ دتيق ماس يڠ تربواڠ مڠهادڤ سكرين تنڤا فائده، مروڤاكن انتارا نعمت عمور يڠ ڤستي دتونتوت جواڤنڽ دڤادڠ محشر ننتي. ڬوناكنله رواڠ ديجيتل اين دڠن راس أمانه، اڬر ديري دان أهل كلوارك يڠ دكاسيهي ترڤليهارا درڤد فتنه دان كلالاين دنياوي. **درڤد ابْنِ مَسْعُودٍ** رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، **رسول الله** صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **برسبدا: مَنْ دَلَّ عَلَى خَيْرٍ فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِ فَاعِلِهِ. مقصودڽ: بارڠ سياڤا منونجوقكن كڤد سواتو كبايكن، مك باڬيڽ ڤهلا سڤرتي ڤهلا اورڠ يڠ ملاكوكنڽ. {حديث روايت إمام مسلم}**

سام-سامله كيت بردعاء سموك الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ممبيمبيڠ كيت مڠڬوناكن ستياڤ نعمت تيكنولوجي كأره كبايكن سرتا مليندوڠي كيت درڤد ڤركارا يڠ مڠوندڠ دوسا دان كموركأنڽ. آمين يا رَبَّ العالمين.

دان ڤليهاراله ديري كامو درڤد (برلاكوڽ) فتنه (يڠ ممباوا بالا بنجان) يڠ بوكن سهاج اكن منيمڤا اورڠ-اورڠ يڠ ظالم انتارا كامو سجارا خصوص (تتاڤي اكن منيمڤا كامو كسمواڽ). دان كتاهويله بهاوا الله ساڠت برت سيقساڽ.

{ سورة الأنفال آية : ٢٥ }

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.

PELITA BRUNEI

105 MURID SEKOLAH AL-FALAAH DIRAIKAN

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



TIMBALAN Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Sementara gambar kanan, antara persembahan pada majlis berkenaan.

SUNGAI AKAR, Sabtu, 21 November. - Seramai 105 murid Sekolah Al-Falaah yang terdiri daripada graduan K3 SA dan B5 menyertai Majlis Ihtifaal Penutup Penggal Akhir Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid.

Majlis dimulakan dengan persembahan bacaan Surah Yaa Siin oleh murid-murid K3 SA dan B5, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Unit Bahasa Melayu, Dayang Khairunnisa binti Md. Norkiflee yang membacakan teks ucapan bagi pihak Pengetua Sekolah Al-Falaah, Dayang Hajah Shariffah Mastura Alsagoff.

Dalam ucapan berkenaan, pihak sekolah merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada tetamu kehormat atas kesudian hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah kepada para graduan serta penerima anugerah bagi tahun 2026.

Selain penyampaian sijil tamat prasekolah kepada 105 graduan K3 dari kedua-dua cawangan, majlis turut menyaksikan penyampaian beberapa anugerah sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian dan kecemerlangan murid-murid.

Antara anugerah yang disampaikan ialah Anugerah Pelajar Terbaik kepada 57 penerima, Anugerah Khas Kokurikulum kepada 43 penerima, Anugerah Pelajar Cemerlang Al-Quran kepada 12 penerima dan Anugerah Pelajar Cemerlang Keseluruhan kepada enam penerima.

"Penganugerahan berkenaan merupakan pengiktirafan terhadap usaha, komitmen dan pencapaian murid-murid dalam pelbagai bidang sepanjang sesi persekolahan, sekali gus menjadi dorongan kepada mereka untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan apabila melangkah ke alam persekolahan rendah," ujar beliau.

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian sijil dan hadiah kepada para pelajar cemerlang sebagai penghargaan atas pencapaian serta usaha gigih mereka dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Bagi memeriahkan lagi majlis, pelbagai persembahan turut dipersembahkan oleh murid-murid, antaranya sketsa dan nyanyian, Mari Bercerita, hafazan Al-Quran serta Tausyeh.

Bacaan Doa Khas juga dibaca oleh murid-murid Tahun 6 sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2026 dan diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh para graduan K3 SA dan B5. Turut hadir, kakitangan Sekolah Al-Falaah, murid-murid K3 SA dan B5, murid-murid Tahun 6, para pelajar cemerlang serta ibu bapa murid.



Program POV : Becoming My Best Self labuh tirai

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Belia Masjid Zainab



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, JHEM, KHEU, selaku tetamu kehormat majlis semasa menyampaikan sijil (atas). Sementara gambar kanan, Ketua Kampung Lumut II turut hadir selaku jemputan khas.



BELAIT, Ahad, 22 November. - Seramai 34 peserta menamatkan Program POV : Becoming My Best Self anjuran Belia Masjid Zainab Lumut yang melabuhkan tirainya dengan Majlis Penutup bertemakan 'From Vision to Legacy' di Masjid Zainab, Lumut, di sini, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Turut hadir selaku jemputan khas, Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Iswandy bin Ahmad; Ketua Kampung Lumut II serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Zainab, Lumut.

Dilaksanakan melalui enam siri dari 26 Julai hingga 22 November 2026, program berkenaan menyasarkan belia berumur 16 hingga 25 tahun dengan memberi tumpuan kepada empat fokus utama, iaitu iman, ilmu, kesihatan fizikal dan kepimpinan.

Melalui empat fokus berkenaan, program ini bertujuan membantu peserta mengenali potensi diri, membina jati diri Muslim serta mengamalkan pembelajaran dalam tanggungjawab mereka sebagai anak, pelajar dan anggota masyarakat.

Perjalanan program bermula dengan 'Induction - POV : Becoming My Best Self', diikuti 'POV : Roots before Branches', 'POV : Lead from within', 'POV : Strong Body, Strong Ummah', 'POV : Talk Better, Connect Better' dan diakhiri dengan 'POV : From Vision to Legacy'. Pengisian program turut merangkumi aktiviti berkumpulan dan bimbingan.

Majlis penutup diisi dengan tayangan video perjalanan program, penyampaian sijil penyertaan dan hadiah serta sesi Galeri Perjalanan Kami.

Dalam sesi galeri tersebut, peserta membentangkan semula perkara yang dipelajari sepanjang keenam-enam siri kepada ibu bapa dan para tetamu. Sesi ini memberi ruang kepada peserta untuk menerangkan pembelajaran mereka serta berkongsi pengalaman sepanjang mengikuti program.

Pembiayaan utama program disediakan oleh JHEM, KHEU, manakala Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah turut memberikan tajaan.

Penganjur berharap para peserta akan terus mengamalkan ilmu dan nilai yang dipelajari dalam kehidupan seharian, di samping mengeratkan hubungan dengan masjid.

Sokongan pihak masjid, ibu bapa dan para pembimbing diharap dapat membantu kesinambungan usaha membentuk pelapis belia masjid yang bersedia menyumbang kepada masyarakat.

Ahli TAP terima pulangan dividen 2.5 peratus

Siaran Akhbar : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 November. - Bagi memastikan ahli menerima manfaat pulangan pertumbuhan yang stabil, Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah mengkreditkan pulangan dividen pada kadar 2.5 peratus ke dalam akaun ahli masing-masing dengan jumlah keseluruhan sebanyak BND138,212,150.87 bagi Tahun Kewangan 2025-2026 (yang berakhir pada 31 Mac 2026) pada Ahad, 22 November 2026.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai jumlah pulangan dividen yang telah dikreditkan, ahli bolehlah merujuk kepada Penyata Akaun Tahun Kewangan 2025-2026 dengan melog masuk ke akaun e-Amanah masing-masing di *www.tap.com.bn*.

Ahli juga boleh menghubungi Pusat Panggilan TAP di talian +673 2722929 semasa waktu bekerja atau melalui e-mel di *ask@tap.com.bn* bagi sebarang pertanyaan lanjut.



INISIATIF PENDEKATAN DAKWAH BERASASKAN KOMUNITI



PEMANGKU Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 November. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pengembangan Da'wah dengan kerjasama Majlis Perwakilan Kampung (MPK) Kampung Bebuloh dan Sekolah Rendah Bebuloh mengadakan Program Kembara Ilmu : Dakwah Mendekati Generasi bertempat di Sekolah Rendah Bebuloh, Daerah Brunei dan Muara, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

Program ini merupakan salah satu inisiatif pendekatan dakwah berasaskan komuniti yang bertujuan untuk mendekatkan PDI dengan masyarakat melalui pelaksanaan aktiviti yang santai, interaktif dan bersesuaian dengan perkembangan semasa.

Program ini turut memberikan penekanan kepada penglibatan golongan mualaf, masyarakat bukan Islam, penduduk kampung, kanak-kanak serta generasi muda melalui pelbagai aktiviti yang menggabungkan elemen sukan ria, rekreasi dan pendidikan.

Antara pengisian program termasuklah permainan sukan berkumpulan, aktiviti perpustakaan, pertandingan menulis Jawi, pertandingan mewarna, teka silang kata serta kuiz ilmu.

Selain itu, program berkenaan turut menyediakan ruang kepada para usahawan mualaf untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan masing-masing melalui penyediaan gerai jualan.

Melalui penganjuran program ini, hubungan silaturahim, persefahaman dan kerjasama antara PDI dengan masyarakat setempat diharap dapat diperkukuhkan, khususnya dalam membina hubungan yang lebih dekat dengan golongan mualaf dan masyarakat bukan Islam.

Penganjuran program ini juga mencerminkan pendekatan dakwah bil-hal iaitu menyampaikan mesej Islam bukan sahaja melalui kata-kata, bahkan melalui contoh teladan, akhlak, kebersamaan, sikap prihatin serta hubungan kemasyarakatan yang harmoni.

Selaras dengan tema 'Dakwah Mendekati Generasi', program ini membawa hasrat untuk mendekati masyarakat melalui ilmu, menyatukan melalui hubungan, membimbing melalui nilai dan membina melalui akhlak, sekali gus menjadikan pendekatan dakwah lebih dekat, mesra dan relevan kepada semua lapisan masyarakat.

Memupuk kesedaran antirasuah dalam kalangan golongan belia

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 November. - Seramai 20 orang dalam kalangan belia masjid bersama pegawai dan kakitangan dari Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mengadakan kunjungan ke Biro Mencegah Rasuah (BMR) pada pagi tadi bagi mengikuti Program Biro Mencegah Rasuah Bersama Belia Masjid.

Program berkenaan bertujuan untuk memberikan pengenalan dan pengetahuan asas kepada para belia mengenai rasuah, mendidik mereka supaya sentiasa berwaspada terhadap sebarang bentuk perlakuan rasuah serta melahirkan golongan belia yang berdisiplin, berintegriti dan bertanggungjawab.

Acara diisikan dengan taklimat mengenai pencegahan rasuah, sesi soal jawab dan kuiz bagi memberikan peluang kepada para peserta untuk memahami dengan lebih lanjut perkara-perkara berkaitan pencegahan rasuah.

Seterusnya, para belia masjid turut menyertai aktiviti berkumpulan dan menyampaikan pembentangan hasil perbincangan masing-masing.

Melalui program seumpama berkenaan, diharap para belia masjid akan lebih memahami bahaya dan kesan rasuah serta sentiasa mengamalkan nilai-nilai integriti, kejujuran, amanah dan disiplin dalam kehidupan seharian, sekali gus menjadi generasi belia yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab.



PROGRAM Biro Mencegah Rasuah Bersama Belia Masjid berkenaan telah disertai seramai 20 orang dalam kalangan belia masjid bersama pegawai dan kakitangan dari Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid.

UMS kunjungi SR Kasat, semarakkan Inisiatif Kasat Green Wave

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Sekolah Rendah Kasat



ROMBONGAN Universiti Malaysia Sabah ke Sekolah Rendah Kasat telah disambut oleh Guru Besar Sekolah Rendah Kasat. Antara pengisian utama lawatan ialah aktiviti penanaman anak pokok buah-buahan dan pokok bunga di kawasan sekitar Galeri Warisan sekolah (kiri dan bawah).

KASAT, Ahad, 22 November. - Semangat memelihara kelestarian alam sekitar, menghargai warisan tempatan serta memperkukuh hubungan antara institusi pendidikan dan komuniti terus dipupuk menerusi lawatan rombongan Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke Sekolah Rendah Kasat, baru-baru ini.

Lawatan yang merupakan anjuran bersama UMS dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kasat itu melibatkan seramai 34 peserta yang diketuai oleh Pensyarah Kanan, Program Hubungan Industri, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UMS, Fazli Abd. Hamid.

Ketibaan rombongan disambut oleh Guru Besar Sekolah Rendah Kasat, Dayang Raidah binti Haji Juni, bersama guru-guru dan kakitangan sekolah serta Ketua Kampung Kasat, Awang Haji E'riffin bin Haji Mohd. Yussof, Ahli-ahli Jawatankuasa MPK Kasat dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kasat.

Lawatan tersebut antara lain bertujuan menyokong inisiatif Kasat Green Wave, yang memberi penekanan terhadap pemeliharaan alam sekitar dan pembudayaan amalan hijau dalam kalangan warga sekolah serta komuniti setempat.

Di samping itu, lawatan berkenaan turut memberi peluang kepada rombongan untuk mengenali sejarah dan warisan Kampung Kasat melalui Galeri Warisan Sekolah Rendah Kasat.

Antara pengisian utama lawatan ialah aktiviti penanaman anak pokok buah-buahan dan pokok bunga di kawasan sekitar Galeri Warisan sekolah. Aktiviti tersebut mencerminkan komitmen bersama dalam meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar, di samping menyumbang kepada usaha mewujudkan persekitaran sekolah yang lebih hijau, indah dan lestari.

Rombongan seterusnya dibawa melawat Galeri Warisan Sekolah Rendah Kasat bagi mengenali dengan lebih dekat sejarah, perkembangan serta khazanah warisan yang menjadi sebahagian daripada identiti Kampung Kasat.

Lawatan tersebut turut memberi ruang kepada perkongsian maklumat mengenai usaha pihak sekolah dan komuniti setempat dalam memelihara warisan untuk tatapan serta pengetahuan generasi akan datang. Program lawatan diakhiri dengan jamuan ringan dan penyampaian cenderahati sebagai tanda penghargaan serta kenang-kenangan kepada rombongan UMS.

Penganjuran lawatan ini bukan sahaja menjadi wadah perkongsian ilmu dan pengalaman, malah turut mempererat hubungan silaturahim serta memperkukuh jalinan kerjasama antara pihak universiti, sekolah dan komuniti Kampung Kasat.

Kerjasama seumpama ini diharap dapat diteruskan melalui pelbagai inisiatif yang memberi manfaat bersama, khususnya dalam memperkasakan pendidikan kelestarian alam sekitar, memelihara warisan tempatan serta menyokong pembangunan komuniti yang mampan.



JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JABATAN PERDANA MENTERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Secara Terbuka

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JMM / JKSH / 2026 / 26
Penyediaan Perkhidmatan Penginapan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Di Sepanjang Persidangan Mesyuarat Pertama Dan Mesyuarat Kedua Dari Musim Permesyuaratan Ke-23 Majlis Mesyuarat Negara Bagi Tahun 2027.

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JMM / JKSH / 2026 / 28
Pembekalan Perkhidmatan Jamuan Secara Kontrak Selama Satu (01) Tahun Bagi Mesyuarat Pertama Dan Kedua Dari Musim Permesyuaratan Ke-23 Majlis Mesyuarat Negara Dan Raptai, Majlis-Majlis, Mesyuarat-Mesyuarat, Kunjungan Hormat Dan Lawatan Bagi Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Tahun 2027 Hingga 2028

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
7 Disember 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
8 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
29 / JPB / SH / 2026
Term Contract 12 Months For Janitorial Cleaning At Ibu Pejabat Dan Pusat Latihan, Jabatan Penjara

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
1 Disember 2026
Tidak lewat dari Jam 2.00 Petang

Waktu-Waktu Menerima / Mengambil Dokumen Tawaran

Isnin – Khamis
8.00 Pagi Hingga 11.30 Pagi

Sabtu
8.00 Pagi Hingga 10.00 Pagi

JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
41 / JMM / S / 12 / 91 (2026/2027)
Sebut Harga Bagi Mechanical And Electrical Term Contract Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months At Muzium Daerah Belait & Taman Warisan Tasek Merimbun, Tutong

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
3 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
40 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)
Sebut Harga Bagi Mechanical And Electrical Term Contract Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months At Muzium Alat Kebesaran Diraja, Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
3 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
37 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)
Sebut Harga Bagi General Building Term Maintenance For Period Of Thirty-Six (36) Months For Muzium Daerah Kuala Belait & Taman Warisan Tasek Merimbun Daerah Tutong

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
3 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(129) PSD / QTN / 2026 – (PMMPMHAMB)
Minor Renovation Works At Medical Social Work Unit, And Finance & Account Section, PMMPMHAMB Hospital Tutong

Kelas:
I dan II

Kategor :
B01

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
353 / CPC / 2026 / IKLAN / MOH
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Hospital Grade Breast Pump For Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
354 / CPC / 2026 / IKLAN / RIPASH
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Phototherapy Light For WCC, RIPAS Hospital

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1765) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For One (1) Of DURR Compressor, Model: Tornado 70 (5172-01) BME1150 (S/N: B002527) At Room 10 Specialist Banglow, RIPAS Hospital For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1774) / 2026 / HTD (A19)
To Perform Inspection And Calibration Of Various Weighing Scales In Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1778) / 2026 / HTD (A20)
Repair Three (3) Units Of Dynaflow Fumehoods At Department Of Scientific Services

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1779) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Five (5) Units Of Midmark Autoclave, Model: M9 And Dentisure B18 At Various Location For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(130) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)
Minor Renovation For Sport And Exercise Medicine (SEM) Unit At Anggerek Desa Building

Kategori:
B01

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(131) PSD / QTN / 2026 / ESTET – (RIPASH)
Refurbishment Works At Emergency Department Lava, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Kategori:
B01, E01, KA01, KPB02 & KPB11A

Kelas:
II ke atas

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
32 / QTN / JPK / 2026
Supply, Delivery, Service And Installation Of Twenty – Nine (29) Units Of Filter Cartridges For Sharp Air Purifier Located At Various Health Centres And Clinics For Health Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
36 / QTN / JPK / 2026
Supply, Delivery, Service And Installation Of Thirty – Two (32) Units Of Filter Cartridges For LUX Blondal Air Purifier At Various Health Centres And Clinics For Health Services Department, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
37 / QTN / JPK / 2026
Supply, Delivery, Service And Installation Of One Hundred Seventy – Eight (178) Units Of Filter Cartridges For UV Care Air Purifier At Various Health Centres And Clinics For Health Services Department, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
38 / QTN / JPK / 2026
Supply, Delivery, Service And Installation Of Forty – Four (44) Units Of Filter Cartridges For Carrier Air Purifier At Various Health Centres And Clinics For Health Services Department, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
39 / QTN / JPK / 2026
Supply, Delivery, Service And Installation Of Nineteen (19) Units Of Filter Cartridges And UV Light For Medixair Air Purifier At Various Health Centres And Clinics For Health Services Department, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
40 / QTN / JPK / 2026
Supply, Delivery, Service And Installation Thirty (30) Units Of Filter Cartridges For Perfectaire Air Purifier At Sengkurong Jubli Perak Health Centre, Health Sevices Department, Ministry Of Health

JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
II, III, IV atau V

Kategori:
S07

Tarikh Buka Tawaran pada:
Isnin,
23 November 2026

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
15 Disember 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa,
22 Disember 2026
Sebelum Jam 2.00 Petang

JASTRE / BL / T017 / 2026
Kerja-Kerja Pemotongan Dan Pencantasan Pokok Untuk Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun (FSOR) - Zone E.

No. Projek:
JASTRE / BL / T017 / 2026

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
41 / QTN / JPK / 2026
External Painting Works & Fabrication Works (For Roofing & Gutter) At PAPHMWHB Gadong Health Centre

Kategori:
KA01 & B01

Kelas:
II & III

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu,
5 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

1. Bilangan Sebut Harga:
(18) PIHMH / KEW / 008

Keterangan:
Renovation Works For Multipurpose And Conference Room At Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong

Class And Category:
Class II And Above / Category B01 & KA01, E01 & M01

2. Bilangan Sebut Harga:
(125) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Exhibition Display Board For Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health

3. Bilangan Sebut Harga:
(126) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Consumable Items For Central Sterile Supply Department (CSSD), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Three (03) Years Usage (Non-Clustering) – Part 2

4. Bilangan Sebut Harga:
(127) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Delivery Of Trolleys For Wards And Clinics At Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

5. Bilangan Sebut Harga:
(128) PSD / QTN / 2026 – (PHARM)

Keterangan:
Close-Circuit Television (CCTV) Surveillance System For Pharmacy Section, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital Kuala Belait

6. Bilangan Sebut Harga:
DSS / HS / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 059 (FDS)

Keterangan:
To Supply And Deliver Analytical Columns For HPLC To Food Chemistry Laboratory, Department Of Scientific Service, Ministry Of Health

7. Bilangan Sebut Harga:
JPKAS / IKLAN / 26 – 27 / 06

Keterangan:
Anti-Termite Treatment Works At Pejabat Kesihatan Kuala Belait

8. Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1763) / 2026 / HTD (B8)

Keterangan:
To Repair Eleven (11) Units Of Jaundice Meter, Brand: Konica Minolta, Model: JM-103 At WCC RIPAS Hospital

9. Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1775) / 2026 / HTD (B8)

Keterangan:
To Repair One (1) Unit Of Baby Resuscitaire Radiant Warmer, Brand: Drager Airshields, Model: RW-82 At Ward 31 WCC RIPAS Hospital

10. Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1776) / 2026 / HTD (B9)

Keterangan:
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For One (1) Unit Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME1785 (S/N: FB14I0012) At Room 14 Block B National Dental Centre For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

11. Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1777) / 2026 / HTD (B9)

Keterangan:
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For One (1) Unit Of Kavo Dental Chair, Model: E70T, BME1328 (S/N: 20101246) At Room 6 Block B National Dental Centre For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
28 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERBENDAHARAAN KEMENTERIAN KEWANGAN

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPKK / JKSH2627-QTN.11 / FSS Membekalkan Perabot Pejabat Untuk Kegunaan Kementerian-Kementerian Dan Jabatan-Jabatan Kerajaan

Tarikh Tutup / Jam:
Sabtu,
28 November 2026
Jam 9.00 Pagi

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut Harga,
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
VI Sahaja

Kategori:
KA01 & M03

Tarikh Tutup:
Selasa,
15 Disember 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 032 / 2026

Nama Projek:
Menaiktaraf Loji Rawatan Air Dan Penyambungan Air Utama Bagi Ke Semua Daerah - Loji Rawatan Air Seria Dan Stesen Pengambilan Air Mentah Badas Peringkat 4, Daerah Belait.

No. Projek:
DWS1219-007 / ADBT-02

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III & IV Sahaja

Kategori:
M03 Sahaja

Tarikh Tutup:
Selasa,
15 Disember 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 033 / 2026

Nama Projek:
Membekal Empat (4) Unit 'Water Tanker' Untuk Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
39 / JMM / S / 12 / 91 (2026/2027) Mechanical And Electrical Term Contract Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months At Muzium Teknologi Melayu Kota Batu & Muzium Maritim Kota Batu

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 3 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
38 / JMM / S / 12 / 91 (2026/2027) Mechanical And Electrical Term Contract Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months At Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan & Arkib Negara Brunei Darussalam, Jalan Dewan Majlis

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 3 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
42 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027) General Building Term Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months For Museum Royal Regalia Building, Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 3 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Toner / Cartridge Printer

DA / JKSH / 147 / 2026 / 2027 [UPP-NOV-2026]
Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Toner / Cartridge Printer Bagi Kegunaan Di Bawah Kawalan Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 5 Disember 2026
Jam 9.00 Pagi

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Kertas

DA / JKSH / 148 / 2026 / 2027 [UPP-NOV-2026]
Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Kertas Bagi Kegunaan Unit / Bahagian Di Bawah Kawalan Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 5 Disember 2026
Jam 9.00 Pagi

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Syarat-Syarat Dan Peraturan Dalam Menyertai Sebut Harga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / LTK / PE / 01-10 / 2026-2027
12 Months Term Contract For Electrical Maintenance At Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Jamadilakhir 1448H /
8 Disember 2026M,
tidak lewat jam 2.00 Petang

Syarat- Syarat Dan Peraturan Dalam Menyertai Sebut Harga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / PE / 02-10 / 2026-2027
24 Months Term Contract For Rubbish Collection Services At Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
22 Jamadilakhir 1448H /
2 Disember 2026M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JPH / 003 / SH2596 / 2026-2027
To Supply, Deliver And Install Air-Conditioning At The Brunei National Herbaroum Sungai Liang, Forestry Department, Ministry Of Economy, Trade And Industry

Syarat:
Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan di dalam Kelas I Ke Atas Dan Kategori M01 Sistem Hawa Dingin dan Pengedaran Udara.

Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):
BND10.00
Borang Sebut Harga: BND5.00
-Tidak Dikembalikan-

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
3 Disember 2026,
2.00 Petang

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DCA / CCS / 2026 / T4
To Develop and Operate Gift or Souvenir Retail Outlet at Brunei International Airport

Dokumen boleh dibeli di:
Bahagian Kewangan
Aras Bawah
Jabatan Penerbangan Awam
Brunei Darussalam

Yuran Dokumen:
BND 30.00 Sahaja
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Pembukaan:
Isnin,
23 November 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
22 Disember 2026,
2.00 Petang

Penyerahan kepada:
Peti Tawaran
Lembaga Tawaran Kecil
Aras Bawah
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
01 / NOV / 2026 / KKBS / PR
Membekal Dan Menghantar Barang Dan Peralatan Kamera Bagi Kegunaan Unit Perhubungan Awam, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
26 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 0111

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Phnom Penh, Kingdom Of Cambodia

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 0211

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Republic Of Singapore

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 25 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:
FPDAM License
– SaaS Subscription Including Supply, Installation And Configuration Of Associated System Implementation
ATELS / 2026 / LTK-05

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran:

9 November 2026, Isnin

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
23 November 2026, Isnin

Tarikh Tutup Tawaran:
24 November 2026, Selasa

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 27
Design, Fabrication, Supply And Installation Works For The Enhancement Of Visitor Experience At Wasai Belulok & Wasai Teraja Eco Trails, Mukim Labi, Belait

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
26 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(137) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)
Supply Of Made-To-Measure Men's Lounge Suits And Women's Blazers For The Information Department

Yuran:
Dikenakan Bayaran BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis,
26 November 2026
Jam 8.00 Pagi

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(132) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)
Kerja – Kerja Penyelenggaraan Bagi Kenderaan Toyota Land Cruiser Prado LJ95R-GKMNS, BG 8967 (TT)
Jabatan Penerangan.

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(133) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)
Kerja – Kerja Penyelenggaraan Bagi Kenderaan Mitsubishi Pajero Sport, BG 4980,
Jabatan Penerangan.

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(134) INFO / PK / K / 7
(2026 -2027)
Kerja – Kerja Penyelenggaraan Bagi Kenderaan Mitsubishi Pajero Sport, BG 4981,
Jabatan Penerangan.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026
Jam 8.00 Pagi

JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Tajuk:
Permohonan Cadangan Tawaran Pengurusan Dan Pengendalian Bagi Gerai Ramadan 1448H / 2027M

Bilangan Tawaran:
JBKBS / GR / TI / 2027 (2026-2)

Tarikh Tawaran Dibuka:
Sabtu - 21 November 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa - 8 Disember 2026
(Jam 11.30 Pagi)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kantin

DA / JKSH / 149 / 2026 / 2027 [BPPA-NOV-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi: Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND558.00 Sebulan

DA / JKSH / 150 / 2026 / 2027 [BPPA-NOV-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi: Sekolah Menengah Lambak Kiri, Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND528.00 Sebulan

DA / JKSH / 151 / 2026 / 2027 [BPPA-NOV-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi: Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin:
BND708.00 Sebulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 5 Disember 2026
Jam 9.00 Pagi

Syarat Khas
Dibukakan Khas Bagi Warganegara Dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Hendaklah Beralamat (Mengikut Sijil Perniagaan 16/17) Di Tempat Kantin Berkenaan Bertapak. Sebagai Contoh, Hanya Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Yang Beralamat Di Daerah Brunei Muara Yang Dapat Dipertimbangkan Untuk Mengendalikan Kantin Di Sekolah-Sekolah Yang Bertapak Di Daerah Brunei Muara.

PERATURAN PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :
iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Maktab / Sekolah / Asrama Pejabat / Perumahan Bagi Daerah Brunei Muara

DA / JKSH / 152 / 2026 / 2027 [UPPK-NOV-2026]
BM Zon 19 Kontrak Penggal Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Maktab / Sekolah / Asrama / Pejabat / Perumahan Dibawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Untuk 36 Bulan Bagi :
1. Sekolah Rendah Lumapas
2. Sekolah Menengah Awang Semaun
3. Flat Kelas F, Blok F1 & F2 Awang Semaun (6+6 Unit)
4. Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar Sungai Kebun
5. Pusat Kerjasama Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar (STEP)
6. Akademi Kepimpinan Dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA)
7. Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab
8. Sekolah Rendah Kasat
9. Sekolah Rendah Putat

Daerah Brunei Muara.

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
12 Disember 2026
Jam 9.00 Pagi

JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 08 / 2026-2027 Membekal, Menghantar, Memasang Dan Menguji Mesin Reso Bagi Keperluan Unit-Unit Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1448H-1449H / 2026M-2027M

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
15 Jamadilakhir 1448 H /
25 November 2026M,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
20 / BBS / SH / BKA / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Kerja-Kerja Membekal, Membuka Dan Mengganti Baharu Pendingin Hawa Di Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Jalan McKerron Kuala Belait Dan Rumah Persinggahan Kerajaan, Jalan Maulana Kuala Belait

Kategori:
B01 / M01 / E01

Kelas:
I / II

Bilangan Tawaran:
21 / BBS / SH / BKA / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Kerja-Kerja Mengganti Baharu Karpet Lantai Yang Rosak Serta Pemasangan Tabir Baharu Dan Pelekat Pada Cermin Jendela, Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Di Jalan McKerron, Kuala Belait

Kategori:
P01

Kelas:
I / II

Bilangan Tawaran:
22 / BBS / SH / BKA / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Pada Bangunan Bengkel Kuala Belait, Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Jalan Lorong Setia Di-Raja Kuala Belait

Kategori:
B01 / E01

Kelas:
I / II

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa,
1 Disember 2026

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat dan Sumber Manusia Kementerian Pembangunan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q22 Invitation For Supply And Subscribe To Lovable Pro Plan For 1 Year

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut Harga:
BND9.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Buka:
Sabtu,
14 November 2026

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:
Khamis,
3 Disember 2026

Tarikh Tutup:
Isnin,
7 Disember 2026
Jam: Sebelum 9.00 Pagi

JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

JPH / 001 / SH / 2593 / 2026 - 2027
Membekalkan Pelan Insurans / Takaful Berkelompok Bagi Pegawai Dan Kakitangan Bahagian Ameniti dan Perkhidmatan Perhutanan, Bahagian Hidupan Liar dan Seksyen Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Perhutanan

Tarikh Tutup:
Khamis,
10 Disember 2026
Jam 2.00 petang

PELITA BRUNEI

BRIGHT KIDS SCHOOL RAIKAN MAJLIS KONVOKESYEN DAN PENGHARGAAN KALI KE-4

Siaran Akhbar dan Foto : Bright Kids School

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 November. - Bright Kids School meraikan satu detik bermakna menerusi Majlis Konvokesyen dan Penghargaan Kali Ke-4 Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan COSMO, Jaya Setia Square, Berakas, hari ini.

Majlis tersebut diserikan dengan kehadiran Dr. Aziz Latip selaku tetamu kehormat yang turut menyampaikan penghargaan kepada 27 murid yang bakal melangkah ke alam persekolahan rendah.

Selain itu, lebih 30 murid turut menerima pengiktirafan menerusi 12 kategori anugerah yang diberikan bagi menghargai bakat, budi pekerti, usaha dan pencapaian masing-masing.

Turut hadir, Pengarah Urusan Bright Kids School, Nandakumar Sanmugam; Ketua Pegawai Eksekutif, Daniel Jeyasundrakumar; para pendidik dan kakitangan sekolah serta ibu bapa dan ahli keluarga para murid.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dr. Aziz Latip memuji perkembangan Bright Kids School yang menunjukkan peningkatan jumlah pendaftaran murid dari tahun ke tahun.

Menurutnya, perkembangan berkenaan mencerminkan kepercayaan tinggi ibu bapa terhadap sekolah tersebut serta komitmennya dalam menyediakan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti tinggi di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Beliau turut menekankan penerapan pendekatan HEI School yang diinspirasikan daripada sistem pendidikan Finnish, yang menggalakkan kanak-kanak belajar melalui aktiviti bermain, penerokaan, kreativiti dan penemuan.

Pendekatan tersebut katanya lagi, bukan sahaja membantu memupuk sikap berdikari dan keyakinan diri, malah turut membina kemahiran sosial yang penting sejak usia awal.

"Setiap kanak-kanak mempunyai keunikan tersendiri dan setiap pencapaian, walaupun kecil, wajar diraikan.

"Sesetengah kanak-kanak mungkin lebih menyerlah dalam bidang membaca atau Matematik, manakala yang lain pula memperlihatkan keistimewaan melalui kreativiti, sifat penyayang, kepimpinan atau keberanian mencuba sesuatu yang baharu.

"Apa yang lebih penting ialah usaha untuk terus mengiktiraf setiap pencapaian, mengembangkan bakat serta menyediakan kanak-kanak menjadi pelajar yang berkeyakinan dan berdikari," ujarnya lagi.

Sepanjang tahun akademik 2026, Bright Kids School turut memperkaya kurikulum pembelajarannya menerusi pelbagai pengalaman pembelajaran secara praktikal dan berasaskan situasi kehidupan sebenar, yang bertujuan memupuk semangat kerja berpasukan serta kemahiran kehidupan harian.



SESI bergambar ramai pada Majlis Konvokesyen dan Penghargaan Kali Ke-4 Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan COSMO, Jaya Setia Square, Berakas.

Antara aktiviti utama yang dilaksanakan termasuk lawatan pembelajaran HEI ke Hua Ho OneCity yang memberikan peluang kepada murid untuk mengamalkan sikap berdikari serta meningkatkan kesedaran mengenai kemahiran praktikal dalam kehidupan seharian; Hari Sukan Tahunan dan lawatan ke Jungle Gym bagi menggalakkan kecergasan fizikal, semangat kerja berpasukan dan hubungan persahabatan dalam kalangan murid; dan Program Cuti Persekolahan bagi memupuk sifat ingin tahu serta menggalakkan penerokaan kreatif dalam persekitaran yang selamat dan kondusif.

Ketika menyampaikan pesanan kepada 27 graduan muda yang bakal melangkah ke peringkat pendidikan seterusnya, Dr. Aziz Latip turut menitipkan tiga nasihat bermakna, iaitu supaya sentiasa bersikap baik, berani dan mempunyai sifat ingin tahu.

Beliau turut menggalakkan para pelajar agar terus meneroka ilmu, berkenalan dengan rakan-rakan baharu, mengemukakan pertanyaan serta, paling penting, menikmati setiap pengalaman sepanjang proses pembelajaran.

Dr. Aziz Latip turut merakamkan penghargaan kepada para ibu bapa atas kepercayaan yang diberikan kepada Bright Kids School dalam membimbing anak-anak mereka sepanjang peringkat awal pendidikan. Penghargaan juga ditujukan kepada para guru dan kakitangan sekolah atas kesabaran, dedikasi serta komitmen mereka dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inspiratif dan menggalakkan perkembangan potensi setiap murid.

Mengiktiraf usaha, pencapaian murid prasekolah

Siaran Akhbar dan Foto :
Sekolah Rendah Beribi Telanai, Kluster 4.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 November. – Sekolah Rendah Beribi Telanai telah mengadakan Majlis Graduasi Prasekolah Tahun 2026 pada hari ini, bertempat di Dewan Berdudun, sekolah berkenaan.

Majlis tersebut diadakan bagi meraikan kejayaan dan pencapaian murid-murid prasekolah yang telah menamatkan sesi pembelajaran mereka pada tahun ini. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada murid-murid atas usaha, perkembangan dan pencapaian mereka sepanjang mengikuti pembelajaran di peringkat prasekolah.

Majlis itu merupakan satu kenangan manis kepada murid-murid serta ibu bapa dan penjaga yang sentiasa memberikan sokongan terhadap pendidikan anak-anak. Semoga dengan penghargaan tersebut dapat meningkatkan keyakinan diri murid melalui penglibatan dalam persembahan dan aktiviti majlis di samping mengeratkan silaturahim antara pihak sekolah, guru-guru, ibu bapa dan penjaga.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Penolong Guru Besar I, Sekolah Rendah Beribi Telanai, Dayang Hajah Latipah binti Haji Ibrahim

Majlis diteruskan dengan perarakan masuk guru-guru prasekolah dan murid-murid prasekolah ke dalam dewan sebagai tanda permulaan Majlis Graduasi. Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' secara beramai-ramai, diikuti dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Awang Haji Md. Ali Hassan bin Haji Ramli bagi memohon keberkatan dan kelancaran majlis tersebut.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Penolong Guru Besar 1, diikuti dengan penyampaian Pencapaian Murid Simpur sebagai pengiktirafan terhadap usaha dan pencapaian murid-murid.

Majlis kemudiannya diserikan dengan persembahan gabungan murid prasekolah sebagai peluang kepada murid-murid untuk menunjukkan bakat, kreativiti serta keyakinan diri mereka di hadapan ramai.

Acara kemuncak majlis ialah Majlis Graduasi Prasekolah Sesi 2026 yang meraikan murid-murid yang telah berjaya menamatkan pembelajaran di peringkat prasekolah.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Penutup oleh Awang Muhammad Nur Izzat Saifudin bin Mohamad Daud dan sesi bergambar ramai.

Pihak sekolah berharap agar Majlis Graduasi prasekolah seperti itu dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai satu bentuk penghargaan dan pengiktirafan terhadap usaha serta pencapaian murid-murid.

Diharapkan agar pengalaman manis yang diperoleh melalui majlis berkenaan akan menjadi kenangan indah kepada semua murid prasekolah serta menjadi pembakar semangat untuk mereka terus melangkah ke alam persekolahan yang seterusnya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak pentadbiran sekolah, guru-guru, ibu bapa, penjaga serta semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan dalam menjayakan Majlis Graduasi Prasekolah Tahun 2026.



PENOLONG Guru Besar I, Sekolah Rendah Beribi Telanai, Dayang Hajah Latipah binti Haji Ibrahim hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Graduasi Prasekolah berkenaan.



IMBASAN MINGGUAN



WAKIL graduan semasa memberikan ucapan pada Majlis Penghargaan dan Doa Kesyukuran bagi 10 graduan penerima Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama peringkat Ijazah Sarjana Muda yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



ANTARA yang hadir pada Majlis Hari Penghargaan IBTE bagi Pesara dan Warga Kerja 2026 yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas.



PARA penuntut Tahun 7, Maktab Anthony Abell, Seria semasa mendengarkan Taklimat Kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Komunikasi Strategik yang berlangsung di Conference Room, Lower Campus, Maktab Anthony Abell, Seria. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



AKSI para pasukan pertandingan bola jaring semasa Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (BDSG) 2026 Kali Ke-3 yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



PERSEMBAHAN pementasan gulintangan instrumental dari para pelajar Sekolah Menengah Masin pada Program Rakan Remaja Penerangan bertempat di Dewan Auditorium sekolah berkenaan. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Brunei Farm Run 2026 yang merupakan acara larian bertemakan pertanian dan gaya hidup sihat yang berlangsung di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP). - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit.

PELITA BRUNEI



Care4U : Inovasi digital memperkasa saringan awal keperluan pembelajaran kanak-kanak

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan Pg. Fairuz Zakry Pg. Haji Rosley

KEPRIHATINAN seorang bapa terhadap anaknya yang menghidap autisme telah mencetuskan idea untuk membangunkan Care4U, sebuah platform saringan digital awal disleksia yang berpotensi membantu mengenal pasti kecenderungan serta corak tindak balas kognitif kanak-kanak. Inovasi ini tercetus daripada pengalaman peribadi yang mendorong usaha mencari kaedah saringan yang lebih mudah diakses, mesra kanak-kanak dan berpatutan.

Pencipta Care4U, Pengiran Fairuz Zakry bin Pengiran Haji Rosley dari CogniCare Technologies Sendirian Berhad menjelaskan bahawa proses saringan awal yang lazimnya dilaksanakan di pusat kesihatan, sekolah dan pusat intervensi boleh menjadi cabaran kepada ibu bapa. Kaedah penilaian tradisional yang menggunakan borang secara manual bukan sahaja memerlukan masa dan kos tertentu, malah berpotensi menimbulkan tekanan kepada kanak-kanak semasa menjalani penilaian.

Dari pengalaman tersebut, Care4U dibangunkan sebagai platform digital yang memanfaatkan teknologi bagi menyediakan kaedah saringan awal yang lebih interaktif. Matlamat utamanya adalah untuk memudahkan akses kepada perkhidmatan saringan, sekali gus membantu ibu bapa dan pendidik mengenal pasti keperluan kanak-kanak untuk mendapatkan penilaian serta rujukan lanjut daripada pakar.

Gabungan teknologi dalam pembangunan Care4U

Pembangunan Care4U mengambil masa kira-kira empat hingga lima bulan secara intensif sehingga berjaya menghasilkan prototaip (*prototype*) yang berfungsi. Proses tersebut melibatkan penyelidikan dan pembangunan, pembentukan kerangka saringan, pembinaan sistem serta penghasilan laporan analisis secara automatik.

Platform ini menggabungkan tiga modul utama, iaitu ujian visual, pendengaran dan bacaan. Ketiga-tiga modul tersebut direka bagi meneliti tindak balas pengguna terhadap pelbagai rangsangan. Selain itu, sistem ini dibangunkan menggunakan teknologi berasaskan Google Apps Script dan Google Sheets sebagai pangkalan data, sekali gus membolehkan pembangunannya dilaksanakan tanpa memerlukan kos pelayan yang tinggi.

Antara keunikan Care4U ialah keupayaannya merekodkan masa tindak balas pengguna dengan terperinci, termasuk tempoh tindak balas kognitif yang diukur sehingga skala milisaat (*milliseconds*). Maklumat ini berpotensi membantu mengenal pasti corak tindak balas tertentu, khususnya ketika kanak-kanak membezakan huruf atau unsur yang hampir serupa.

Dari segi reka bentuk, Care4U menggunakan konsep interaktif berteraskan tema angkasa lepas yang menyerupai pengalaman permainan digital. Pendekatan gamifikasi ini bertujuan mewujudkan suasana saringan yang lebih menarik dan mengurangkan kebimbangan kanak-kanak semasa menjalani ujian. Platform berasaskan *web* tersebut juga boleh diakses melalui telefon bimbit, tablet dan Chromebook tanpa memerlukan pengguna memuat turun aplikasi terlebih dahulu.

Mengatasi cabaran teknikal pembangunan sistem

Walau bagaimanapun, pembangunan sistem ini bukanlah tanpa cabaran. Antara isu teknikal utama yang dihadapi ialah penyelarasan data daripada ketiga-tiga modul saringan. Setiap modul mengandungi 15 soalan. Oleh itu, semua maklumat perlu direkodkan dengan tepat dalam satu rekod bagi setiap sesi ujian tanpa berlaku pertindihan data atau gangguan sistem.

Cabaran tersebut ditangani melalui penambahbaikan struktur pengenalan sesi dan kaedah navigasi sistem. Usaha ini penting bagi memastikan data yang dikumpulkan dapat disusun dengan teratur, di samping membolehkan laporan analisis dapat dijana dengan lancar dan tepat.

Pada peringkat awal, Care4U dibangunkan untuk kegunaan peribadi. Namun demikian, potensi platform ini mendorong peluasan sasaran penggunanya kepada kanak-kanak, guru pendidikan khas, ibu bapa serta institusi pendidikan dan kesihatan.

Guru boleh memanfaatkan platform ini bagi membantu proses saringan awal di bilik darjah, manakala ibu bapa boleh mengakses modul asas secara percuma bagi mendapatkan gambaran awal tentang respons anak sebelum mendapatkan khidmat profesional.

Bagi institusi pendidikan dan kesihatan, Care4U berpotensi menjadi alat sokongan dalam proses penilaian awal. Penggunaan teknologi digital ini juga dijangka dapat membantu menjimatkan masa dan kos proses saringan dengan anggaran penjimatan sehingga 90 peratus seperti yang dinyatakan oleh pembangunnya.

Pengiktirafan menerusi BICTA

Potensi inovasi tersebut turut terserlah menerusi penyertaan dalam Brunei ICT Awards (BICTA) apabila Care4U berjaya meraih gelaran juara dalam kategori Penyelidikan dan Pembangunan (Research and Development).

Persediaan untuk menyertai pertandingan tersebut tertumpu pada aspek kestabilan prototaip, ketetapan pengukuran masa tindak balas serta analisis corak kognitif pengguna. Aspek-aspek berkenaan diberikan perhatian bagi memastikan platform yang dibangunkan dapat berfungsi dengan baik dan memenuhi keperluan penilaian.

Bagi Pengiran Fairuz Zakry, pengiktirafan tersebut membawa makna yang mendalam kerana idea berkenaan bermula daripada pengalaman peribadi beliau sebagai seorang bapa kepada anak yang menghidap autisme. Beliau turut berasa bangga apabila anaknya, Awangku Warsyan Habibullah bin Pengiran Fairuz Zakry berpeluang menghadiri sesi pembentangan di hadapan barisan juri dengan penuh keyakinan dan begitu tenang. Pengalaman tersebut menjadi dorongan untuk beliau terus mengembangkan inovasi berkenaan demi memberikan manfaat yang lebih luas kepada masyarakat.

Penyertaan dalam BICTA juga memberikan pendedahan tentang kepentingan keselamatan data serta keupayaan sistem untuk dikembangkan pada skala yang lebih besar. Pengalaman tersebut menjadi asas kepada perancangan seterusnya bagi memperkukuh pembangunan Care4U agar dapat memenuhi keperluan pengguna pada masa hadapan.

Perancangan dan hala tuju masa depan

Pada masa hadapan, Care4U berhasrat memperkemas seni bina sistem agar berpotensi untuk diintegrasikan dengan Sistem Maklumat Pelajar di sekolah-sekolah tempatan, selain diperluas ke pasaran serantau.

Seiring dengan perkembangan tersebut, Pengiran Fairuz Zakry turut merancang untuk memperkenalkan modul saringan tambahan, termasuk ujian berkaitan masalah tumpuan melalui Continuous Performance Test (CPT), serta pendekatan interaktif untuk meneliti respons sosial dan emosi kanak-kanak.

Perancangan ini bertujuan menjadikan Care4U sebuah platform saringan awal digital yang lebih menyeluruh bagi memenuhi pelbagai keperluan perkembangan kanak-kanak. Dengan adanya penambah modul tersebut, platform ini diharapkan dapat menawarkan lebih banyak pilihan saringan awal yang bersesuaian dengan keperluan pengguna.

Secara keseluruhannya, Care4U mencerminkan bagaimana pengalaman peribadi, inovasi, teknologi dan keprihatinan sosial dapat digabungkan untuk menghasilkan penyelesaian yang bermanfaat. Walaupun platform ini berfungsi sebagai alat saringan awal dan bukannya pengganti diagnosis profesional, potensinya dalam membantu mengenal pasti keperluan kanak-kanak wajar diberikan perhatian.

Usaha ini selaras dengan aspirasi untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat peluang yang sewajarnya melalui pengesanan awal, sokongan yang bersesuaian dan akses kepada perkhidmatan profesional tanpa mengira cabaran yang dihadapi.

Dengan pembangunan berterusan dan kerjasama pelbagai pihak, inovasi ini berpotensi menjadi antara pemangkin kepada persekitaran pendidikan dan sokongan perkembangan kanak-kanak yang lebih inklusif di Negara Brunei Darussalam.

AUSTRALIA SANGKAL LAPORAN AS DAKWA PERJANJIAN KAPAL SELAM AUKUS LEMAHKAN TENTERA LAUT AMERIKA

ISLAMABAD, 22 Nov. - Menteri Pertahanan Australia, Richard Marles pada Ahad menyangkal kebimbangan bahawa Perjanjian Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat (AUKUS) untuk membekalkan kapal selam berkuasa nuklear kepada Canberra akan melemahkan Tentera Laut Amerika Syarikat (AS) bagi tempoh bertahun-tahun akan datang, lapor Anadolu Ajansi.

Kenyataan beliau dibuat susulan amaran Pejabat Belanjawan Kongres AS bahawa perjanjian AUKUS berpotensi memberi tekanan tambahan terhadap kapasiti pengeluaran kapal selam negara itu, lapor Perbadanan Penyiaran Australia (ABC).

Dalam laporan yang dikeluarkan pada Jumaat, pejabat belanjawan itu menyatakan pembekalan kapal selam berkuasa nuklear kepada Australia akan menambah beban kepada limbungan kapal AS yang sedia berdepan cabaran pengeluaran.

"Peningkatan pengeluaran selanjutnya bagi menggantikan kapal selam serangan berkuasa nuklear (SSN) yang dijual kepada Australia akan menambah cabaran yang sedang dihadapi Tentera Laut AS dan limbungan kapal," menurut laporan berkenaan.

Marles menepis kebimbangan yang dibangkitkan menerusi dapatan itu dan menjangkakan laporan seumpamanya akan terus muncul sepanjang dekad akan datang.

"Sebab ia tidak membimbangkan saya adalah kerana AUKUS sememangnya sedang dilaksanakan," katanya.

Di bawah perkongsian keselamatan AUKUS yang dimeterai pada 2021, Australia, AS dan United Kingdom (UK) bekerjasama membangunkan kapal selam berkuasa nuklear untuk Tentera Laut Diraja Australia.

Ketiga-tiga negara berkenaan telah memperuntukkan dana yang besar bagi menjayakan projek itu.

UK menjanjikan peruntukan sebanyak £4 bilion (AS$5.3 bilion), AS menyumbang AS$17.5 bilion, manakala Australia memperuntukkan lebih A$30 bilion (AS$20.7 bilion).

Sementara itu, Marles turut tidak mengambil serius amaran Presiden AS Donald Trump berhubung syarikat Kecerdasan Buatan (AI) Amerika yang membina pusat data di luar negara.

Trump sebelum ini menegaskan beliau tidak akan membenarkan syarikat AI AS menubuhkan pusat data di negara asing dan memberi amaran akan mengenakan "cukai yang amat tinggi" terhadap syarikat yang berbuat demikian.

Marles turut mengulas kebimbangan yang dibangkitkan Ketua Pertubuhan Perisikan Keselamatan Australia (ASIO) Mike Burgess mengenai campur tangan asing dalam sektor pusat data AI di negara itu.

Menteri Pertahanan itu berhujah bahawa pembangunan infrastruktur AI di Australia turut memenuhi kepentingan keselamatan AS.

"Jika semua infrastruktur itu berada di satu tempat, dengan kata lain, jika ia kekal sepenuhnya di Amerika Syarikat, di situlah wujudnya kerentanan," kata Marles.

Beliau berkata Kerajaan Australia akan meneruskan perbincangan dengan pihak berkuasa AS dan syarikat teknologi berhubung potensi pelaburan.

"Kami mahu melihat pelaburan itu masuk ke Australia. Sudah tentu, ia bukan dilakukan tanpa sebarang syarat. Kami perlu melaksanakannya mengikut terma kami," katanya.

Australia menandatangani perjanjian diterajui AS minggu ini yang bertujuan mengenal pasti rantaian bekalan yang terdedah serta melindungi teknologi AI sensitif daripada kecurian dan campur tangan asing.

Menurut Marles, perjanjian itu turut menggalakkan pembangunan pusat data AI di luar AS. - ©BERNAMA

Semua 146 penumpang, kru pesawat Air Niugini selamat selepas mendarat cemas di Republik Filipina

MANILA, 21 Nov. - Sebuah pesawat Air Niugini yang membawa 146 penumpang dan kru dari Hong Kong ke Papua New Guinea selamat melakukan pendaratan kecemasan di sebuah bandar di selatan Republik Filipina pada Sabtu susulan tanda-tanda kemungkinan berlaku kebakaran pada enjin pesawat, menurut pegawai penerbangan Republik Filipina.

Tiada kecederaan dilaporkan dalam kalangan 137 penumpang dan sembilan kru yang keluar menggunakan gelongsor kecemasan pesawat Boeing 767-383ER itu selepas penerbangannya dilencongkan daripada laluan asal dan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Davao, menurut Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Filipina, lapor Associated Press (AP).

Juruterbang melaporkan bahawa alat penunjuk mengesan kemungkinan berlaku percikan api atau kebakaran pada enjin sebelah kanan.

Jurucakap Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Filipina Eric Apolonio berkata juruterbang melaksanakan prosedur keselamatan dan memohon untuk melakukan pendaratan tidak berjadual di Davao sejurus selepas tengah malam.

Beliau tidak mengulas lanjut mengenai perkara itu, namun berkata siasatan akan turut mengambil kira keterangan juruterbang.

Penumpang dan kru dibawa ke terminal lapangan terbang serta diberikan bantuan dan penginapan hotel. Tiada laporan segera mengenai kerosakan pada pesawat itu.

Lapangan Terbang Davao ditutup kepada penerbangan lain bagi memberi laluan kepada tindakan kecemasan, menyebabkan dua penerbangan domestik yang dijadualkan tiba dibatalkan.

Menurut Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Filipina, lapangan terbang itu dibuka semula selepas pemeriksaan keselamatan di landasan utama selesai dijalankan. - ©BERNAMA

Republik Kepulauan Fiji bangunkan rangka kerja AI secara bertanggungjawab dalam perkhidmatan awam

SUVA, 21 Nov. - Kerajaan Republik Kepulauan Fiji sedang membangunkan tiga rangka kerjautama bagi mengawal selia penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) secara bertanggungjawab dalam perkhidmatan awam ketika negara itu mempergiat usaha pendigitalan perkhidmatan kerajaan, lapor Xinhua.

Inisiatif itu merupakan sebahagian daripada agenda transformasi digital Republik Kepulauan Fiji yang lebih menyeluruh, bertujuan membangunkan ekonomi digital, meningkatkan kecekapan kerajaan serta memudahkan rakyat mengakses perkhidmatan awam.

Menteri Komunikasiloane Naivalurua berkata rangka kerja itu akan menetapkan garis panduan yang jelas bagi penggunaan dan penerapan AI di semua institusi kerajaan, selain memastikan inovasi teknologi berlandaskan piawaian etika, ketelusan dan akauntabiliti.

Beliau berkata rangka kerja itu akan membantu penjawat awam menggunakan AI secara bertanggungjawab, di samping memastikan penggunaannya selaras dengan keutamaan kerajaan dan jangkaan masyarakat.

Tiga instrumen yang dicadangkan ialah Dasar AI Perkhidmatan Awam Fiji, Rangka Kerja Kompetensi AI dan Rangka Kerja Tadbir Urus AI.

Inisiatif itu selaras dengan Strategi Digital Nasional Fiji 2025-2030 yang mengenal pasti infrastruktur digital, keterangkuman digital, pertumbuhan ekonomi diterajui inovasi, tadbir urus pintar dan perkhidmatan awam digital sebagai keutamaan utama pembangunan negara.

Menerusi strategi itu, kerajaan sedang berusaha membangunkan sistem kerajaan digital yang lebih bersepadu termasuk portal perkhidmatan dalam talian bersepadu, penambahbaikan mekanisme perkongsian data serta pengukuhan keupayaan keselamatan siber.

Penilaian yang dilaksanakan di seluruh agensi kerajaan mengenal pasti sebanyak 788 perkhidmatan merentasi kementerian dan agensi, dengan 385 daripadanya disasarkan untuk didigitalkan menjelang 2030.

Usaha transformasi digital itu juga dijangka dapat mengurangkan kos pentadbiran, meminimumkan penggunaan dokumen bercetak dan tempoh menunggu, selain meningkatkan akses kepada perkhidmatan kerajaan, khususnya bagi penduduk di kawasan pedalaman dan kepulauan terpencil. - ©BERNAMA

Jepun : Lebih 1,000 orang di Fukushima terputus hubungan akibat salji lebat

FUKUSHIMA, 21 Nov. - Lebih 1,000 orang terputus hubungan di sebuah kampung di Wilayah Fukushima, Jepun, selepas beberapa jalan raya di kawasan itu terhalang akibat pokok tumbang susulan salji lebat, menurut pihak berkuasa tempatan pada Sabtu, lapor Kyodo News.

Menurut pihak berkuasa, mereka yang terjejas termasuk kira-kira 900 penduduk dan 500 lagi individu yang menginap di hotel serta tempat penginapan lain di dalam dan sekitar kawasan Urabandai di Kampung Kitashiobara.

Kawasan pergunungan itu terkenal sebagai destinasi pelancongan.

Pokok yang tumbang menimpa talian elektrik menghalang kerja-kerja pemulihan, manakala gangguan bekalan elektrik menjejaskan kira-kira 700 isi rumah.

Setakat ini, tiada kecederaan dilaporkan, menurut pihak berkuasa. - ©BERNAMA

3 maut dalam letupan lombong arang batu di Colombia

MOSCOW, 21 Nov. - Tiga pelombong maut susulan letupan di sebuah lombong arang batu di wilayah Boyaca, Colombia, kata Presiden Colombia Abelardo de la Espriella pada Jumaat, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Saya amat kesal dengan tragedi yang berlaku di sebuah lombong arang batu di kawasan Los Tunjos, Sativasur, Boyaca, apabila letupan meragut nyawa tiga pekerja lombong," kata de la Espriella menerusi hantaran di platform media sosial X.

Menurut kenyataan itu, pasukan daripada Sistem Penyelamat Lombong Kebangsaan telah dikerahkan ke lokasi kejadian dan sedang berusaha mengenal pasti keadaan yang membawa kepada letupan berkenaan.

Agensi Perlombongan Kebangsaan Colombia dalam kenyataan berasingan memaklumkan bahawa kejadian itu berlaku pada Khamis malam. - ©BERNAMA

Gempa bumi magnitud 6.8 gegar tengah Republik Peru

BEIJING, 21 Nov. - Gempa bumi bermagnitud 6.8 menggegarkan bahagian tengah Republik Peru pada 0009 GMT Sabtu, menurut Pusat Penyelidikan Geosains Jerman (GFZ), lapor Xinhua.

Pusat gempa pada kedalaman 10 kilometer itu pada awalnya dikenal pasti terletak pada latitud 10.74 darjah selatan dan longitud 75.99 darjah barat. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

PUPUK SEMANGAT KESUKANAN, BERPASUKAN, MEMPERKUKUH HUBUNGAN PERSAHABATAN

BERAKAS, Ahad, 22 November. - Pertandingan Tenpin Boling sempena Hari Keluarga anjuran Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara (PKWE DBM) dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf), Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah diadakan pagi tadi di Golden Bowling Company, Airport Mall, Berakas.

Acara ini merupakan perlawanan persahabatan julung kali yang dianjurkan oleh PKWE DBM bersama Ahli-ahli Persatuan Nurul Islam.

Inisiatif ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara kedua-dua organisasi, di samping memberikan peluang kepada para peserta untuk mencungkil dan mengembangkan bakat dalam sukan tenpin boling.

Pertandingan tersebut disertai seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada Ahli-ahli PKWE DBM dan Persatuan Nurul Islam.

Para peserta dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kategori lelaki dan kategori perempuan, dengan setiap kategori melibatkan 20 orang peserta.

Selain menjadi medan untuk merebut gelaran juara, pertandingan ini turut berperanan sebagai platform untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan warga emas serta ahli-ahli persatuan.

Pada masa yang sama, aktiviti seumpama ini dapat memupuk semangat kesukanan, kerjasama berpasukan serta memperkukuh hubungan persahabatan dalam kalangan para peserta.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Awang Haji Abu Bakar bin Burut.

Acara kemudiannya diteruskan dengan balingan bola boling sebagai simbolik perasmian pertandingan oleh Pengurus PKWE DBM, Awang Haji Mohd. Yussof bin Mohd. Salleh.



PERTANDINGAN Tenpin Boling sempena Hari Keluarga anjuran Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf), PDI yang diadakan baru-baru ini di Golden Bowling Company, Airport Mall, Berakas bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara kedua-dua organisasi (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad yang seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan.

Penganjuran aktiviti seumpama ini diharapkan akan dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai salah satu usaha berterusan untuk memperkasa penglibatan warga emas dalam aktiviti kemasyarakatan, kesukanan dan riadah, di samping memperkukuh hubungan silaturahim antara organisasi serta masyarakat setempat.



Menggalakkan gaya hidup sihat, menjaga kelestarian ekologi hutan



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir di Program mendaki Trek Cuba Kinyam, Kampung Bukit Udal baru-baru ini.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Sabtu, 21 November. - Program mendaki Trek Cuba Kinyam disertakan dengan aktiviti mengutip sampah (*plogging*) telah diadakan di Trek Cuba Kinyam, Kampung Bukit Udal, di sini.

Aktiviti tersebut diadakan bagi menggalakkan gaya hidup sihat dan dalam pada masa yang sama menjaga kelestarian ekologi hutan daripada sebarang pencemaran. Sepanjang aktiviti *hiking* pelbagai sisa yang ditinggalkan dikutip dan dibersihkan untuk dilupuskan dengan betul.

Turut hadir di program berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri dengan Jawatankuasa Pandu Arah Trek yang berperanan dalam memberi taklimat keselamatan dan laluan trek kepada para peserta.

Aktiviti pagi ini dilakukan dengan harapan memupuk gaya hidup sihat di samping memberatkan sikap 'inda camah mata' kepada sesiapa yang turut serta di dalam program ini.



Rombongan kedua kontinjen NBD berlepas ke Sukan Persahabatan BIMP-EAGA



PENOLONG Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Awang Muhd. Amirul Syazmie bin Ibrahim hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan ucapan serta kata-kata semangat kepada rombongan kedua kontinjen Negara Brunei Darussalam Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-12.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 November. - Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-12 dijadual berlangsung secara rasminya bermula pada 23 hingga 27 November 2026 di Sabah, Malaysia.

Rombongan kedua kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) seramai 36 ahli terdiri daripada para atlet, jurulatih dan pengurus sukan badminton, olahraga, karate dan pencak silat telah berlepas ke Sabah, Malaysia bagi menyertai kejohanan tersebut.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan ucapan serta kata-kata semangat, Penolong Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Awang Muhd. Amirul Syazmie bin Ibrahim.

Majlis didahului dengan bacaan Doa Selamat, diselajurkan dengan ucapan nasihat kepada kontinjen NBD dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

NBD dalam temasya sukan persahabatan berkenaan akan menyertai tujuh acara sukan yang dipertandingkan iaitu badminton, boling padang, karate, olahraga, pencak silat, renang dan sepak takraw.

Atlet-atlet negara akan mula bertanding pada 24 hingga 26 November 2026.

Rombongan terakhir akan bertolak ke Sabah, Malaysia pada Ahad, 22 November 2026.

KLUSTER 3 JUARA FUTSAL BDSG KE-3

Berita dan Foto : Muhammad Aiman Najib Hamzah





SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang (atas). Sementara gambar kiri, antara aksi bertenaga yang dipamerkan oleh para pemain semasa berlangsungnya perlawanan.

BERAKAS, Sabtu, 21 November. - Pasukan Kluster 3 dan Kluster 6 berentap pada perlawanan akhir acara futsal sempena Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (BDSG 2026) Kali Ke-3, yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Perlawanan tersebut menyaksikan kedua-dua pasukan mempamerkan aksi bertenaga dan semangat juang yang tinggi dalam usaha merebut kejuaraan.

Walau bagaimanapun, Pasukan Kluster 3 berjaya dinobatkan sebagai juara sekali gus meraih pingat emas, manakala Kluster 2 meraih pingat perak. Sementara itu, pingat gangsa menjadi milik Pasukan Kluster 6.

Penganjuran BDSG Ke-3 merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum bagi mencungkil dan mengembangkan bakat serta potensi pelajar dalam bidang sukan.

Kejohanan kali ini dikhususkan kepada pelajar sekolah rendah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Khas selaku penganjur bersama bagi memperluas peluang penyertaan pelajar berkeperluan khas.

Penyertaan inklusif warnai Acara Badminton BDSG 2026

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzlin bin Haji Amdan hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang acara badminton berkenaan (atas) manakala gambar bawah, sekitar kejohanan tersebut.

PULAIE, Sabtu, 21 November. - Kementerian Pendidikan pada hari ini telah mengadakan Majlis Penyampaian Pingat Acara Badminton sempena Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (BDSG 2026) Kali Ke-3, bertempat di Dewan Sukan, Sekolah Sukan, Kampung Pulaie.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzlin bin Haji Amdan.

Acara badminton telah mempertandingkan sebanyak enam pingat emas, iaitu Kategori Perseorangan Lelaki dan Kategori Perseorangan Perempuan, Kategori Beregu Lelaki dan Kategori Beregu Perempuan serta Kategori Beregu Unified Lelaki dan Kategori Beregu Unified Perempuan yang melibatkan penyertaan pelajar atlet berkeperluan khas.

Keputusan bagi acara badminton adalah seperti berikut, iaitu pingat emas bagi Kategori Perseorangan Lelaki dan Kategori Perseorangan Perempuan, masing-masing dimenangi dari kontinjen Kluster 5, iaitu Awang Abdul Lubawi Khairul Anwar dan Dayang Noor Rayhanaa Mohd. Sofian.



Manakala bagi Kategori Beregu Lelaki, pingat emas dijuarai oleh Ashton Lee Jun Yi dan Callum Fong Yew Jiun dari kontinjen Kluster 1; sementara Kategori Beregu Perempuan pula dimenangi oleh kontinjen Kluster 5 yang diwakili oleh Dayang Adelia Zhufairah Harun dan Dayang Siti Nurharisah Humaira Mohd. Sukimi.

Sementara itu, wakil kontinjen Kluster 4, Awang Md. Nur Ramadhani Firdaus Abdullah dan Awang Muhd. Ahsan Al Amin Mohd. Rudi pula meraih pingat emas setelah menjuarai Kategori Beregu Unified Lelaki; manakala Kategori Beregu Unified Perempuan pula dimenangi oleh wakil kontinjen Kluster 2, iaitu Dayang Nur Ameerah Munirah Abd. Karim dan Dayang Nur Zalifah Aswanna Faizal.

Sebanyak lima acara sukan yang dipertandingkan pada BDSG Kali Ke-3 tahun ini, iaitu bola jaring, *bocce*, badminton, futsal dan olahraga (*kids athletics*).

Kejohanan berkenaan berlangsung selama lapan hari, bermula 16 hingga 23 November 2026, dengan penyertaan seramai 690 atlet pelajar sekolah rendah dari enam kluster sekolah kerajaan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan.

Penganjuran BDSG merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dalam usaha mencungkil dan mengembangkan bakat serta potensi pelajar dalam bidang sukan, di samping memperkukuh pembangunan sukan di peringkat sekolah.

Pada edisi kali ini, BDSG dikhususkan kepada penyertaan pelajar sekolah rendah, dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Khas selaku penganjur bersama bagi memperluas peluang penyertaan kepada pelajar berkeperluan khas dalam kejohanan tersebut.

Penyampaian pingat Piala Bola Jaring Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Sabtu, 21 November. - Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Masna (SMPAPM) muncul juara Piala Bola Jaring Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam Tahun 2026 selepas menewaskan Sekolah Menengah Tanjong Maya dengan keputusan 7 - 5.

Sekolah Menengah Tanjong Maya terpaksa berpuas hati di tempat kedua selaku naib juara, manakala tempat ketiga dikongsi bersama oleh Sekolah Seri Mulia Sarjana dan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah kejohanan tersebut berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzlin bin Haji Amdan.

Kejohanan anjuran Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Brunei Darussalam (BNA) itu disertai seramai 276 pelajar berumur 17 tahun dan ke bawah dari 23 buah sekolah menengah dan maktab kerajaan serta swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kejohanan berlangsung selama lima hari, iaitu pada 26 dan 27 Ogos serta 18, 19 dan 21 November 2026.

Antara matlamat kejohanan berkenaan adalah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar dalam sukan bola jaring secara berterusan di peringkat sekolah dan negara, di samping mengenal pasti pemain berpotensi untuk diserapkan ke dalam Program Latihan Pusat Centre of Training (COT) di keempat-empat daerah.

Selain itu, kejohanan tersebut bertujuan menyediakan atlet berpotensi untuk mewakili Pasukan Bola Jaring Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) dalam kejohanan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Penganjurannya juga dihasratkan dapat mencungkil bakat pelajar, meningkatkan pencapaian dalam Program Sahsiah Pelajar (PSP) serta memupuk nilai disiplin, daya tahan, kepimpinan dan semangat berpasukan melalui aktiviti sukan.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang.

PELITA BRUNEI

SUKAN

ePaper Pelita Brunei

THE BRUNEI HALF MARATHON : IKTIRAF DEDIKASI, DISIPLIN, KECEKALAN PESERTA



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri ketika menyempurnakan penyampaian hadiah (atas). Manakala Yang Berhormat Menteri Pembangunan, dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi merasmikan pelepasan bagi Larian 5km (kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 November. - The Brunei Half Marathon 2026 bagi Kategori Larian 5 kilometer (km) dan Larian 10km diteruskan lagi hari ini di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS).

Larian 5km dilepaskan pada jam 6.25 pagi, menawarkan jarak yang sesuai untuk pelari rekreasi serta mereka yang ingin mengamalkan gaya hidup aktif.

Sementara itu, Larian 10km bermula pada jam 6.45 pagi, menyediakan jarak yang lebih kompetitif bagi peserta yang mencari cabaran larian yang lebih hebat.

Bagi Larian 5km mempunyai had masa satu jam, manakala Larian 10km pula mempunyai had masa dua jam. Acara ini turut merangkumi stesen hidrasi, sokongan di sepanjang laluan, pelari penentu rentak (*pacer*) rasmi serta sistem catatan masa untuk membantu para peserta sepanjang menempuh jarak larian masing-masing.

Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha bersama-sama merasmikan pelepasan Larian 10km dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah Podium Finishers.

Manakala Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos merasmikan pelepasan bagi Larian 5km.

Bagi Kategori 10km Terbuka Lelaki, gelaran juara diraih oleh David Kipkorir Rono, manakala Kategori 10km Terbuka Wanita dimenangi oleh Lilian Jebitok.

Sementara itu, Kategori 10km Lelaki Master dimenangi oleh Mastani Yussop dan Kategori 10km Wanita Master pula diraih oleh Lucy Glennie.

Dalam Kategori 5km Terbuka Lelaki, Kasyful Haji Khairul Arifin muncul sebagai pemenang, manakala Kategori 5km Terbuka Wanita dimenangi oleh Aida Syazwana.

Bagi Kategori 5km Lelaki Master, Sefli Ahar berjaya menyandang gelaran juara dan Kategori 5km Wanita Master pula diraih oleh Airince Liam.

Majlis penyampaian hadiah tersebut bukan sahaja meraikan pencapaian para pelari terbaik, malah turut mengiktiraf dedikasi, disiplin dan kecekalan yang dipamerkan oleh para peserta sepanjang pertandingan berlangsung.



Amalkan gaya hidup sihat menerusi aktiviti riadah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Acara Walkaton sempena Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal anjuran Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berlangsung di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 November. - Pendidikan ugama bukan sahaja menitikberatkan aspek keilmuan dan kerohanian, malah turut menggalakkan keseimbangan dalam kehidupan yang merangkumi kesihatan jasmani, mental dan sosial.

Seiring dengan Sambutan Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal di Negara Brunei Darussalam, pelbagai aktiviti telah dianjurkan bagi menyemarakkan lagi sambutan berkenaan. Antaranya termasuk usaha membudayakan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan warga Jabatan Pengajian Islam (JPI) serta masyarakat umum.

Sehubungan itu, JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah menganjurkan Acara Walkaton sempena Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal yang berlangsung pagi tadi di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad serta pegawai-pegawai kanan KHEU.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa, diikuti sesi pemanasan badan sebelum para peserta memulakan walkaton sejauh tiga kilometer. Laluan walkaton tersebut bermula dan berakhir di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Bagi memeriahkan lagi suasana sambutan, acara berkenaan turut diserikan dengan cabutan nama bertuah yang menjadi salah satu pengisian program. Acara ini antara lain bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim dan ukhuwah dalam kalangan warga jabatan, para pendidik serta masyarakat umum.

Selain itu, ia turut berperanan memupuk semangat kerjasama dan perpaduan, di samping menggalakkan pengamalan gaya hidup sihat menerusi aktiviti riadah yang melibatkan penyertaan masyarakat umum.

Usaha ini juga selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat melalui pembudayaan gaya hidup sihat dan aktif.